Sebagai sebuah institusi berteraskan agama, pematuhan syariah merupakan tunjang utama bagi semua amalan organisasi kami. Kepercayaan muzakki, asnaf dan masyarakat Islam di Selangor secara keseluruhannya bergantung kepada keupayaan dan rasa tanggungjawab kami dalam menguruskan zakat secara holistik. Sebarang kepincangan dalam pematuhan syariah boleh menjejaskan reputasi serta kredibiliti kami.

Sehubungan itu, kami memberikan penekanan yang teguh terhadap pematuhan syariah di samping amalan tadbir urus yang lain, bagi memastikan prinsip-prinsip ini sentiasa terpelihara. Dalam memenuhi kewajipan perundangan dan pematuhan peraturan, peranan serta tanggungjawab teras kami dipandu oleh instrumen tadbir urus utama berikut:

Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012

Pematuhan syariah di Zakat Selangor berpaksikan fatwa dan resolusi syariah serta ditadbir oleh Unit Kepatuhan Syariah melalui aliran kerja yang sistematik. Proses ini memastikan semakan dan kawalan yang berkesan bagi semua program dan aktiviti operasi. Laporan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah untuk pengawasan rapi serta menjamin kepatuhan berterusan terhadap tuntutan syariah.



Pengurusan Risiko

Pengawasan risiko yang menyeluruh merupakan tunjang tadbir urus di Zakat Selangor. Sebagai institusi yang mengurus amanah zakat, amalan tadbir urus yang teguh adalah penting bagi mengurus risiko operasi dan kelestarian demi memelihara kepercayaan pihak berkepentingan. Kami menerapkan rangka kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang berstruktur berasaskan nilai-nilai Islam untuk menyokong pelaksanaan keputusan, memperkukuh dan melindungi nilai organisasi.

Rangka kerja ini turut membantu Lembaga Pemegang Amanah dan pengurusan dalam mengekalkan kawalan dalaman yang mantap melalui struktur pelaporan dan tanggungjawab yang jelas. Pengurusan risiko adalah tanggungjawab bersama, setiap warga kerja berperanan memastikan setiap tindakan dan keputusan sentiasa mengambil kira faktor risiko bagi melindungi operasi, reputasi serta aset organisasi.

Elemen Rangka Kerja	Penerangan
Tadbir Urus Risiko	Mewujudkan pendekatan untuk membangunkan, menyokong dan menerapkan strategi risiko serta akauntabiliti.
Penilaian Risiko	Mengenal pasti, menilai dan mengkategorikan risiko di seluruh organisasi.
Pengukuran dan Pengagregatan Risiko	Mengukur, menganalisis dan menggabungkan risiko.
Pemantauan dan Pelaporan Risiko	Melapor, memantau dan melaksanakan aktiviti untuk memberikan gambaran tentang kekuatan dan kelemahan pengurusan risiko.
Pengoptimuman Risiko dan Kawalan	Menggunakan maklumat risiko dan kawalan untuk menambah baik prestasi.

Pengurusan Risiko Perusahaan

Pendekatan Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) kami memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan keupayaan Zakat Selangor untuk mencapai objektif strategiknya.

- Membudayakan amalan pengurusan risiko di semua peringkat organisasi bagi menyokong kutipan dan agihan zakat yang berkesan dan cekap.
- Memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh serta selaras dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, sekali gus memberi jaminan kepada Lembaga.
- Menyediakan prinsip ERM yang jelas untuk membimbing semua ketua divisyen dalam mengurus tindakan dan keputusan berkaitan risiko dalam pasukan masing-masing.
- Menentukan konteks risiko organisasi, termasuk falsafah, strategi, dasar dan sistem operasi, bagi menyokong pendekatan pengurusan risiko yang tersusun dan berkesan.

Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan Pengurusan Risiko Kewangan kami memberi tumpuan kepada menilai keseimbangan kos dan manfaat bagi pilihan mitigasi risiko untuk menyokong perancangan operasi dan kewangan yang berasaskan maklumat.

- Menyediakan pemahaman yang tersusun mengenai risiko dan ketidaktentuan dengan menggabungkan pertimbangan profesional bersama kaedah analitikal dan kuantitatif.
- Mengenal pasti dan memantau risiko baharu melalui Petunjuk Risiko Utama (KRI), bagi memastikan keselarasan dengan tahap selera risiko dan toleransi risiko Zakat Selangor. Ini juga menyokong pengesanan awal serta analisis terhadap isu-isu berpotensi bagi mengelakkan insiden pada masa hadapan.
- Memastikan dana zakat mencukupi melalui pemantauan berterusan terhadap tahap dana, semakan kesihatan kewangan secara berkala dan kawalan kewangan yang kukuh. Pendekatan ini turut mengukuhkan kemampanan jangka panjang dana zakat.
- Menggunakan prinsip dan metodologi aktuari mengikut kesesuaian bagi menyokong proses mengenal pasti, mengukur dan mengurus risiko kewangan.

Pengurusan Kewangan Bertanggungjawab

Sebagai sebuah institusi agama, Zakat Selangor mengakui bahawa pengurusan kewangan yang berhemat adalah asas bagi melestarikan operasi jangka panjang dan memenuhi tanggungjawab kami terhadap komuniti, khususnya golongan asnaf. Sehubungan itu, kami kekal komited untuk mengekalkan prestasi dan tadbir urus kewangan yang teguh, berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti serta etika kerja yang tinggi.

Sistem Pengurusan Anti-Rasuah

Kami mengamalkan pendekatan sifar toleransi terhadap sebarang bentuk rasuah, mencerminkan komitmen teguh kami terhadap integriti dalam pengurusan dana zakat. Pendekatan ini selaras dengan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta amalan terbaik industri bagi memupuk budaya bebas rasuah di semua peringkat operasi.

Setiap dana zakat yang diamanahkan diuruskan secara bertanggungjawab mengikut piawaian tadbir urus tertinggi bagi memastikan impak yang bermakna kepada penerima yang layak.

Zakat Selangor telah menerima pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS). Pensijilan ini menyediakan kerangka dasar dan garis panduan komprehensif yang memandu organisasi dan operasi kami dalam mencegah sebarang bentuk rasuah serta salah guna kuasa.

Polisi & Panduan Berkaitan Anti-Rasuah dan Salah Guna Kuasa

- Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat
- Polisi Hadiah
- Polisi Surat Sokongan dan Pengesahan Kerja
- Manual SPAR (ABMS)
- Prosedur Pengurusan Sumbangan / Penajaan Tunai Amil Zakat Selangor
- Prosedur Pengurusan Hadiah dan Keraian
- Prosedur Semakan Pematuhan Anti-Rasuah
- Prosedur Tindakan Wajar (*Due Dilligence*)
- Garis Panduan Konflik Kepentingan dan Pengisytiharan Harta
- Panduan Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesahan
- Polisi dan Garis Panduan Pembanterasan Rasuah dan Penyelewengan

Polisi dan Prosedur Anti-Rasuah dan Salah Guna Kuasa Dikomunikasikan Kepada Pihak Berkepentingan Melalui:

Lembaga Pemegang Amanah	• Mesyuarat Lembaga
Warga Kerja	• Program kesedaran integriti • e-mel, bunting, poster dan video
Pihak Berkepentingan Luar	• Program kesedaran integriti • Hari Kepatuhan (vendor dan ejen kutipan) • Taklimat tender (bakal vendor) • Media sosial rasmi dan laman sesawang (awam)

Penilaian Risiko Rasuah

Bagi memastikan risiko rasuah dalam operasi kami dikawal dengan berkesan, penilaian risiko berkaitan rasuah dilaksanakan dua kali setahun meliputi keseluruhan operasi. Pada tahun 2025, penilaian telah dijalankan ke atas keseluruhan operasi kami dan beberapa risiko rasuah yang ketara telah dikenal pasti dalam beberapa bidang operasi.

Risiko yang dikenal pasti	Memberi insentif (rasuah) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mendapatkan kelulusan projek.
Langkah pengurangan risiko	• Menambah baik Prosedur Pengurusan Projek Khas (Pembinaan). • Membangunkan prosedur berkaitan pengendalian data. • Menambah baik prosedur berkaitan proses permohonan bantuan. • Menyediakan mekanisme pengurusan situasi konflik kepentingan semasa proses permohonan bantuan.

Pendedahan Maklumat *(Whistleblowing)*

Zakat Selangor menggalakkan warga kerja dan pihak berkepentingan luar untuk melaporkan sebarang pelanggaran integriti, aktiviti penipuan atau salah laku. Bagi menyokong pelaksanaan ini, kami telah mewujudkan Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat yang komprehensif, bagi menyediakan mekanisme aduan yang selamat dan sulit. Rangka kerja ini memastikan kerahsian identiti serta perlindungan kepada pemberi maklumat, sekali gus membolehkan laporan dibuat tanpa risiko tindakan balas. Setiap insiden yang dilaporkan akan disiasat secara menyeluruh dan telus.

Pihak berkepentingan boleh mengemukakan aduan melalui pelbagai saluran berikut:

- Surat Rasmi: Dialamatkan kepada Pengerusi BRICC atau Ketua Jabatan Integriti di Ibu Pejabat Zakat Selangor, Shah Alam, Selangor.
- Talian Telefon: Hubungi 03-8314 2783 pada hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- Pertemuan Bersemuka: Di lokasi yang dipersetujui bersama.
- Borang Dalam Talian: Melalui borang pendedahan maklumat (*whistleblowing*) di laman sesawang Zakat Selangor.
- e-mel: Hantarkan ke aduintegriti@zakatselangor.com.my.
  (e-mel ini hanya boleh diakses oleh warga kerja Zakat Selangor yang diberi kuasa, iaitu Pengerusi BRICC dan Ketua Jabatan Integriti).

Ke hadapan, Zakat Selangor komited untuk terus memperkukuh usaha pencegahan rasuah dan salah guna kuasa, di samping mengurangkan risiko berkaitan perkara tersebut. Semakan berkala dijalankan terhadap polisi-polisi dan rangka kerja yang berkaitan bagi memastikan ia relevan dengan perubahan peraturan dan piawaian antarabangsa.

Pengurusan Warga Kerja & Bakat

Warga kerja merupakan tunjang utama kepada kelestarian dan penciptaan nilai jangka panjang untuk Zakat Selangor. Pengurusan warga kerja yang berkesan membolehkan kami memahami serta bertindak balas terhadap keperluan warga kerja yang sentiasa berkembang, selaras dengan peranan mereka sebagai asas kejayaan organisasi. Melalui penglibatan aktif, komunikasi terbuka dan saluran maklum balas yang konsisten, kami memupuk persekitaran kerja berteraskan kepercayaan, inklusiviti dan hormat-menghormati. Ini mengukuhkan rasa kekitaan, menyokong pengekalan bakat serta meningkatkan daya tahan organisasi.

Sejajar dengan komitmen kami terhadap amalan pengurusan warga kerja yang bertanggungjawab, kami berusaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat, bersifat menyokong dan kondusif. Persekitaran ini memelihara hak warga kerja, mengutamakan aspek kesihatan dan keselamatan serta memperkukuh kesejahteraan, di samping mewujudkan tempat kerja yang inklusif dan memperkasa setiap pihak.

Bagi memastikan pengurusan warga kerja yang berkesan, kami mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan tempatan berikut.

- Dasar-dasar berkenaan penghapusan masa kerja berlebihan dan pelaksanaan gaji minimum (atau upah sara hidup) sebagaimana tertakluk dalam Akta Kerja Malaysia 1955 (Seksyen 60A) dan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) (No. 2) 2022.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 1967
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350) bagi dasar yang berkaitan dengan buruh paksa atau buruh kanak-kanak.

Organisasi Zakat Bertaraf Dunia

- Organisasi Zakat yang Dipercayai
  - Saf Al Awwal (Kepimpinan)
- Peneraju Institusi Zakat Terkemuka
  - Membangunkan Keupayaan Amil
- Penyedia Perkhidmatan Zakat Bertaraf Dunia
  - 7 Nilai Teras



Pengurusan Warga Kerja

7 Nilai Teras

Nilai teras kami berfungsi sebagai asas kepada budaya kerja kami, membimbing bagaimana warga kerja diharapkan untuk berkelakuan dan menjalankan tanggungjawab mereka. Bagi memupuk budaya ini, kami mempromosikan tujuh nilai teras untuk dihayati oleh semua warga kerja:

Beriman | Berilmu | Inovasi | Amanah | Kerjasama | Empati | Komitmen

Program Utama:

- **Kepimpinan Melalui Teladan (*Leadership Championing*):** (CEO Breakfast, Tea Talk / Townhall, HOD Value Pep Talk)
- **Mencipta Kesedaran:** (Program Teaser Mingguan, Leaders Take Charge, Amil Take Charge, 45 Minit, Bacaan Surah Yasin, Pertandingan Dalaman, Kempen Nilai, Halaqah, Buku Nilai, Lagu Nilai)
- **Amalan Warga Kerja & Penyelarasan Prestasi Bersepadu:** (Sistem Pengurusan, Integrasi Sumber Manusia, Pengambilan, Sistem Pengurusan Prestasi, Pembelajaran & Pembangunan, Panduan Konflik Kepentingan, Anugerah Amil Muflihun, Skor Nilai Teras)
- **BEAM (Membina Sikap & Minda Cemerlang)**

Saf Al Awwal (Kepimpinan)

Saf Al Awwal (Kepimpinan) merupakan inisiatif perancangan penggantian kepimpinan yang direka untuk membangunkan warga kerja yang berpotensi tinggi. Program ini bertujuan melengkapkan bakal pemimpin dengan kemahiran dan ketangkasan yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan organisasi serta kecemerlangan perkhidmatan pada masa hadapan.

Program Utama:

- Pengurusan Bakat Perancangan Penggantian Kepimpinan
- Pusat Penilaian & Penilaian 360 Darjah
- Program Pembangunan Kepimpinan Eksekutif
- Program Pembangunan Pengurusan
- Program Pembangunan Dipercepatkan (Accelerated Development Programme)
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan
- Pembangunan Toolkit Pengurus (Manager's Toolkit)

Membangunkan Keupayaan Amil

Kami komited terhadap pembangunan profesional berterusan bagi membentuk tenaga kerja yang mahir dan tangkas. Fokus kami adalah untuk memastikan warga kerja dilengkapi dengan kompetensi yang tepat agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan memberikan perkhidmatan bertaraf tinggi demi kejayaan jangka panjang.

Program Utama:

- Kompetensi Teknikal & Fungsi Bahagian
- Kajian / Penilaian Keupayaan
- Program Kemahiran Semula & Peningkatan Kemahiran (*Reskilling & Upskilling*)
- Pembangunan Laluan Kerjaya dan Pelan Pembangunan Berasaskan Kumpulan Pekerjaan
- Program Pensijilan Profesional (contohnya, SPPZ dan Kerja Sosial)
- Platform / Aplikasi e-Pembelajaran (eiLMU)
- Program Kesedaran Digital (Digital Pep, Digital Pep Talk, Ms Suite & IR 4.0)
- Adaptasi kepada Pendekatan Pembelajaran Hibrid
- Program Penasihat Zakat Bertauliah





Pembangunan Bakat

Kami mengakui bahawa pembangunan bakat merupakan elemen penting dalam membentuk warga kerja yang berkeupayaan dan bersedia menghadapi masa hadapan, selaras dengan mandat organisasi dalam usaha menyantuni asnaf. Peningkatan kemahiran dan pengukuhan pengetahuan secara berterusan menjadi keutamaan bagi memastikan warga kerja kekal tangkas, berdaya tahan dan responsif terhadap keperluan yang sentiasa berkembang. Pelaburan dalam pembangunan warga kerja memperkukuh keberkesanan operasi, meningkatkan keupayaan pengurusan risiko serta menyokong kelestarian dan penciptaan nilai jangka masa panjang. Pengurusan bakat dilaksanakan berasaskan enam aspek utama seperti yang dihuraikan di bawah.



Pengambilan Bakat

- Melibatkan usaha menarik dan merekrut bakat yang tepat untuk organisasi
- Meliputi proses pemilihan, temu duga serta penempatan bakat baharu



Pembangunan Bakat

- Memberi tumpuan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan warga kerja melalui program peningkatan kemahiran (*upskilling*), penyesuaian semula kemahiran (*reskilling*) dan pembangunan profesional.



Pengekalan Bakat

- Mengekalkan bakat yang mahir dan berpengalaman melalui pelaksanaan program Saranan Nilai Pekerja (*Employee Value Proposition*) seperti:
  - Laluan kerjaya pekerja
  - Semakan pakej ganjaran dan penghargaan



Perancangan Penggantian

- Menyediakan keperluan kepimpinan masa hadapan melalui pengenalpastian dan pembangunan pekerja berpotensi tinggi (Hi-Po) serta bakat dalaman melalui pelbagai program pembangunan kepimpinan, termasuk Program Pembangunan Kepimpinan Dipercepatkan (LADP)



Ganjaran dan Faedah

- Mengkaji semula pelan ganjaran dan faedah semasa
- Membangunkan pakej ganjaran yang lebih kompetitif untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik



Penglibatan Warga Kerja

- Memupuk persekitaran kerja positif yang menggalakkan keterlibatan pekerja.
- Menerapkan budaya Zakat Selangor yang kukuh melalui pelbagai program libat urus
- Memantau dan mengurus kepuasan warga kerja melalui kaji selidik serta Amara.ai, sebuah *chatbot* pemantauan maklum balas berterusan

Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)

Keselamatan kekal menjadi keutamaan asas di seluruh organisasi kami. Pendekatan kami terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dipandu oleh Polisi KKP yang komprehensif, yang menjadi tunjang kepada semua amalan dan inisiatif berkaitan.

28

Akta & peraturan yang terpakai

Peraturan KKP Utama

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Kilang dan Jentera 1967

Polisi & Pelaksanaan KKP

Polisi KKP kami menyediakan kerangka yang teratur bagi melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Polisi ini memperkukuh komitmen kami untuk menjaga kebajikan warga kerja dan kontraktor, dengan tumpuan kepada pencegahan kemalangan serta penyakit berkaitan pekerjaan, sambil mematuhi peraturan dan piawaian industri yang diiktiraf.

Pelaksanaan sistem pengurusan KKP di Zakat Selangor didorong oleh komitmen padu pihak pengurusan atasan, dengan sokongan dan penyertaan aktif daripada semua pihak termasuk kakitangan, kontraktor, vendor dan pelanggan. Sistem ini selaras dengan garis panduan keselamatan antarabangsa dan diguna pakai secara konsisten dalam semua aktiviti, projek, perkhidmatan serta proses pengurusan kami.

Selain itu, Zakat Selangor turut mengamalkan pelbagai prosedur operasi standard (SOP) bagi memperkukuh lagi amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Struktur Tadbir Urus KKP

Jawatankuasa KKP, yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Selangor, bertanggungjawab memantau inisiatif keselamatan dan kesihatan organisasi secara strategik. Jawatankuasa ini disokong oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan selaku setiausaha serta barisan pengurusan atasan (*C-Suite*), eksekutif dan wakil daripada pihak pengurusan serta warga kerja. Struktur ini menjamin tadbir urus yang menyeluruh dan memperkukuh perlindungan kebajikan di setiap aktiviti operasi dan pembinaan.

Jawatankuasa KKP dalam Operasi Perusahaan

- Bertindak sebagai penasihat dalam perkara yang berkaitan dengan keperluan undang-undang dan peraturan KKP.
- Mengurus risiko berkaitan KKP (HIRARC — Pendaftaran dan penilaian langkah kawalan berdaftar bagi setiap bahagian).
- Memastikan pemantauan dan pemeriksaan KKP dilaksanakan di premis Zakat Selangor.
- Memastikan latihan berkaitan KKP dan keperluan kompetensi disediakan.
- Mengurus keperluan penilaian kesihatan untuk warga kerja selaras dengan keperluan undang-undang KKP.
- Mengurus kemalangan dan insiden berkaitan KKP di tempat kerja.

Jawatankuasa KKP dalam Projek Pembinaan

- Memantau pembinaan, pengubahsuaian dan penaiktarafan projek berkaitan kejuruteraan bangunan milik Zakat Selangor.
- Menguruskan sistem permit kerja bagi keperluan kontraktor dan vendor.
- Menyemak dan menilai keperluan KKP untuk dokumen kontrak, termasuk sebut harga, surat setuju terima dan dokumen tender.
- Memantau dan menyelenggara sistem keselamatan kebakaran pasif dan aktif di semua premis milik Zakat Selangor.

Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)

Tunjang utama pengurusan KKP kami adalah pelaksanaan HIRARC secara sistematik. Proses ini dijalankan dua kali setahun dengan sokongan pegawai HIRARC yang dilantik daripada setiap divisyen dan jabatan bagi memastikan penglibatan menyeluruh di peringkat organisasi. Proses HIRARC mengikut kitaran yang teratur dan berdisiplin untuk memastikan bahaya di tempat kerja bukan sahaja dikenal pasti secara sistematik, malah dikurangkan dan dikawal dengan berkesan.



Pematuhan KKP

Kami memberi penekanan utama dalam mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui langkah kawalan yang berkesan. Bagi memastikan piawaian ini dipatuhi, tahap pematuhan KKP dinilai melalui pemeriksaan dan penilaian dua kali setahun. Selain itu, pemeriksa kami turut menyertai taklimat dan program latihan berkala bagi memastikan kecekapan serta kemampuan mereka sentiasa seiring dengan keperluan yang ditetapkan.

Prosedur Pelaporan Insiden di Tempat Kerja	• Bahaya berkaitan pekerjaan dikategorikan sebagai "kemalangan nyaris" • Pekerja atau penyelia di dalam premis hendaklah melaporkan insiden ini dengan segera kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
Prosedur Pemeriksaan dan Penilaian KKP di Tempat Kerja	• Pemeriksa di setiap jabatan untuk mengenal pasti dan melaporkan sebarang situasi, keadaan, atau faktor persekitaran semasa pemeriksaan tempat kerja • Dapatan pemeriksaan ini kemudiannya didaftarkan dengan JKKP

Langkah Pencegahan

Di Zakat Selangor, kes nyaris kemalangan (*near-miss*) dianggap sama penting dengan kemalangan sebenar. Warga kerja, penyelia dan kakitangan premis diwajibkan melaporkan segera sebarang kejadian kepada JKKP.

Apabila insiden berlaku, pasukan siasatan pelbagai fungsi akan dibentuk untuk mengenal pasti punca kejadian. Hasil siasatan kemudiannya dibentangkan kepada Jawatankuasa KKP untuk dinilai bagi melaksanakan tindakan pembetulan dan pencegahan yang sewajarnya. Ini bagi memastikan risiko kejadian berulang dapat dikurangkan ke tahap minimum.

Pengurusan Rantaian Bekalan

Pengurusan Rantaian Bekalan memainkan peranan penting dalam memacu agenda kelestarian Zakat Selangor melalui amalan perolehan yang cekap dan bertanggungjawab.

Kami menerapkan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam semua keputusan dan aktiviti perolehan. Ini memastikan tanggungjawab korporat diamalkan secara menyeluruh sepanjang rantaian bekalan, selaras dengan jangkaan pihak berkepentingan.

Kami komited untuk mengamalkan amalan perolehan mampan yang memberikan nilai jangka panjang, khususnya kepada komuniti asnaf. Pendekatan ini membantu kami memperkukuh reputasi, mengurangkan risiko operasi, mengoptimumkan kos dan menyokong penciptaan nilai secara berterusan.

Prinsip ESG kini menjadi teras utama dalam Polisi Perolehan kami bagi menjamin konsistensi dan akauntabiliti di seluruh organisasi. Amalan perolehan kami diperkukuh lagi melalui tiga dimensi utama ESG seperti yang digambarkan dalam rajah berikut.

Alam Sekitar

Zakat Selangor menggunakan pendekatan digital bagi mengurangkan penggunaan sumber dan pengeluaran karbon. Ini merangkumi, penggunaan sistem Customer Relationship Management (CRM), sistem e-Perolehan dan sistem e-Agreement dalam aktiviti perolehan harian. Pemantauan dan pengukuran prestasi pula dibantu oleh teknologi analitik data.

Sosial

Zakat Selangor sentiasa mengutamakan sumber tempatan bagi mengukuhkan daya tahan perolehan di samping mengurangkan kesan jangka panjang terhadap alam sekitar. Sokongan terhadap perusahaan tempatan juga dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan termasuk asnaf.

Tadbir Urus

Bagi memahami isu melibatkan pembekal dan warga kerja berkaitan amalan perolehan lestari di Zakat Selangor, sesi libat urus diadakan secara berkala bersama vendor dan pihak berkepentingan lain, seperti sesi perancangan perolehan dan sesi permulaan projek (*project kick-off*).

Pengurusan Keselamatan Siber

Kami komited untuk memperkukuh keselamatan siber. Bagi menyokong objektif ini, kami telah mengadaptasi rangka kerja Keselamatan Siber (CSF) 2.0 oleh National Institute of Standards and Technology (NIST) sebagai rujukan utama. Berpandukan struktur dan fungsi teras NIST CSF, rangka kerja ini menjadi rujukan kami dalam membangunkan keupayaan keselamatan siber yang berdaya tahan melalui metodologi berasaskan penilaian risiko yang tersusun.



Pasukan Operasi	Pasukan Pengurusan Risiko	Audit Dalaman
Merangkumi operasi IT, pentadbiran rangkaian, keselamatan peranti (*endpoint*), sokongan aplikasi serta pengurusan dan perlindungan aset teknologi harian.	Melibatkan penilaian risiko, pembangunan prosedur dan garis panduan serta keselamatan ofensif (*offensive security*).	Menjalankan penilaian dan audit bebas bagi menilai keberkesanan pengurusan risiko serta proses kawalan.

Mengenal pasti	Kami melaksanakan penilaian risiko yang menyeluruh bagi mengenal pasti dan mengutamakan risiko keselamatan siber, membolehkan pendekatan proaktif dalam menangani potensi ancaman.
Melindungi	Kami melaksanakan langkah perlindungan yang kukuh merangkumi kawalan akses, penyulitan, proses dan prosedur perlindungan, penyelenggaraan serta latihan keselamatan.
Mengesan	Fungsi pengesanan kami memberi amaran kepada organisasi terhadap serangan siber melalui pemantauan kejanggalan (anomali) dan insiden keselamatan, pemantauan berterusan serta proses pengesanan yang tersusun.
Tindak Balas	Fungsi tindak balas kami adalah untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil sekiranya berlaku serangan siber dan insiden keselamatan siber yang lain. Kami menguji dan membangunkan pelan tindak balas insiden secara berkala bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan.
Pemulihan	Aktiviti pemulihan kami berfokuskan kepada pelaksanaan pelan ketahanan siber dan menjamin kesinambungan operasi susulan serangan siber, pelanggaran keselamatan, atau peristiwa keselamatan siber yang lain. Kami telah menetapkan pelan pemulihan bencana untuk mengurangkan tempoh gangguan serta mempercepatkan pemulihan sistem dan data.

Inisiatif Keselamatan Siber

Kami telah menerapkan budaya celik keselamatan siber bagi mengurangkan risiko kesilapan manusia, mengukuhkan kesediaan teknikal serta meningkatkan tahap keselamatan organisasi secara keseluruhan. Jabatan Keselamatan Siber memantau penerapan dan pelaksanaan amalan ini melalui inisiatif berikut:

Pengurusan Risiko Siber

Mengenal pasti dan menilai ancaman berpotensi terhadap aset sistem maklumat secara berterusan, serta melaksanakan langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan risiko tersebut.

Pelan Tindak Balas Insiden Siber (CIRP) dan Pembangunan *Playbook*

Pelan Tindak Balas Insiden Siber (CIRP) dan *playbook* memastikan Zakat Selangor sentiasa bersedia melindungi aset ICT serta mengekalkan kesinambungan operasi melalui prosedur dan peranan yang jelas.

Latihan Kesedaran Keselamatan Siber (Suku Tahunan)

Mendidik warga kerja mengenai ancaman berpotensi serta amalan terbaik bagi memperkasa mereka sebagai barisan pertahanan pertama dalam melindungi maklumat sensitif dan sistem Zakat Selangor.

Komunikasi Berterusan melalui E-mel

Hebahan e-mel berkala mengenai ancaman siber dan amalan terbaik dapat memupuk budaya kewaspadaan dan kesedaran berterusan dalam kalangan warga kerja.

Penilaian Kerentanan dan Ujian Penembusan (VAPT)

VAPT memperkukuh keselamatan siber dengan menangani kelemahan sistem lebih awal, manakala simulasi *phishing* pula dilaksanakan untuk menilai kepekaan warga kerja serta keberkesanan latihan dalam menghadapi ancaman pancingan data.

Latihan *Tabletop*

Kami menyediakan simulasi serangan siber bagi menguji pelan tindak balas dan mengenal pasti jurang sedia ada. Latihan ini meningkatkan kesiapsiagaan dengan memperjelaskan peranan serta tanggungjawab setiap pasukan.

Latihan *Red Team*

Simulasi serangan sebenar dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan sistem dan menguji keberkesanan kawalan keselamatan sedia ada. Latihan ini menilai tahap kesiapsiagaan Zakat Selangor secara realistik.

Hari Siber (sebagai agenda dalam Hari Kepatuhan)

Kami mendidik para pekerja melalui seminar, simulasi serangan siber serta aktiviti interaktif seperti kuiz dan permainan bagi memupuk budaya yang peka terhadap keselamatan serta mengurangkan risiko insiden siber.

Simulasi *Phishing* (Bulanan)

Kami melaksanakan simulasi *phishing* secara berkala untuk memperkukuh kesiapsiagaan warga kerja dan menilai keberkesanan program kesedaran keselamatan siber sedia ada.

Penilaian Semula Kematangan Siber

Penilaian semula kematangan siber membantu mengenal pasti ruang penambahbaikan, mengukur kemajuan berbanding penilaian terdahulu, serta memastikan Zakat Selangor terus menyesuaikan diri dengan ancaman siber yang sentiasa berkembang dan piawaian industri.


E

Prestasi 2025



Prestasi Kutipan & Agihan

Komitmen kami dalam memperkasakan asnaf diterjemahkan melalui agihan zakat yang berkesan, hasil daripada kejayaan dan sumbangan berterusan para muzakki. Kami berjaya mengekalkan kecemerlangan dengan mencatatkan jumlah kutipan dan agihan tertinggi pada tahun 2025 sejak penubuhan Zakat Selangor. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan usaha mendekati muzakki, menyantuni komuniti asnaf serta pengukuhan tadbir urus dalam pentadbiran zakat.



RM1.31 B
Kutipan Zakat 2025

RM1.33B
Agihan Zakat 2025

Rajah di atas memaparkan prestasi kutipan dan agihan zakat bagi tempoh lima tahun (2021-2025), yang menunjukkan trend prestasi serta tahap pencapaian secara keseluruhan. Kutipan zakat terus meningkat secara konsisten, dengan pertumbuhan 7.5% berbanding tahun 2024, mencerminkan kepercayaan berterusan daripada muzakki. Agihan zakat turut menunjukkan peningkatan yang lebih kukuh, iaitu sebanyak 12%, seiring dengan usaha mempertingkatkan penyaluran bantuan serta memastikan sokongan disampaikan kepada asnaf yang layak, tepat pada masanya.

Secara keseluruhan, prestasi ini menunjukkan pertumbuhan mampan serta penambahbaikan dalam kecekapan penyampaian, sekali gus memperkukuh peranan zakat sebagai mekanisme kewangan sosial yang diyakini.

Menghargai Sumbangan Muzakki

Pembayaran berterusan oleh para muzakki menjadi kunci kepada keberkesanan agihan Zakat Selangor. Pada tahun 2025, kutipan zakat mencapai rekod tertinggi sebanyak RM1.31 bilion, iaitu peningkatan 7.5% berbanding tahun 2024. Pencapaian ini mencerminkan peningkatan kesedaran serta kepercayaan mereka dalam menunaikan kewajipan berzakat. Pertumbuhan yang menggalakkan ini menunjukkan lebih ramai individu dan syarikat memahami bagaimana sumbangan mereka membantu keluarga yang memerlukan serta memperkukuh komuniti. Setiap sen yang diamanahkan membolehkan Zakat Selangor menyediakan bantuan yang teratur, bermakna dan tepat pada masanya kepada asnaf.

Kutipan Zakat (Jenis)	**RM**
Pendapatan	771,303,759
Perniagaan	222,255,561
Simpanan	140,578,700
Harta	61,248,207
Fitrah	43,774,699
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	33,012,876
Saham	21,939,200
Emas	13,953,444
Pertanian	1,158,996
Perak	149,493
Kripto	66,156
Ternakan	35,575

Kutipan Zakat (Kaedah)	**RM**
Cawangan	195,424,505
Potongan Gaji	579,828,505
Ejen Kutipan	490,448,957
Fitrah	43,774,699


> **"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."**
>
> Surah at-Taubah (9:103)



Memperkasakan Asnaf Melalui Zakat


Pendekatan agihan zakat kami dirangka untuk memberikan impak yang bersasaran merangkumi semua kategori asnaf, dengan keutamaan peruntukan berdasarkan tahap keperluan dan dipandu oleh maqasid syariah. Ini bagi memastikan bantuan disalurkan kepada mereka yang paling memerlukan, selaras dengan komitmen kami untuk menyokong golongan rentan. Isi rumah miskin dan fakir kekal menjadi penerima utama bantuan, mencerminkan tumpuan keperluan yang mendalam dalam kalangan kumpulan tersebut.

Agihan Zakat mengikut Program Pembangunan




Jumlah (RM)

Agihan Zakat mengikut Kategori Asnaf



Jumlah (RM)

Bilangan Asnaf mengikut Kategori



Asnaf (Bilangan Keluarga)

Asnaf Fakir: Memulihkan Kehidupan, Keselamatan & Kehormatan

Fakir merujuk kepada individu muslim yang tiada pendapatan atau pendapatannya tidak mencapai 50 peratus daripada keperluan asas (had kifayah). Bagi mereka, zakat adalah bantuan segera untuk kelangsungan hidup, merangkumi makanan, kesihatan dan tempat tinggal. Dengan memenuhi keperluan asas ini, zakat melindungi keluarga daripada krisis dan membina asas untuk mereka pulih serta maju pada masa depan.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 300,932,045

Jumlah Penerima
28,166 Keluarga

Pembangunan Sosial

Bantuan Kewangan Bulanan
RM 107,199,193
Penerima: 22,572

Bantuan Makanan Bulanan
RM 11,851,082
Penerima: 9,335

Bantuan Sewa Rumah
RM66,411,924
Penerima: 9,452

Baik Pulih Rumah
RM4,590,600
Penerima: 185

Pembinaan Rumah Individu
RM358,943
Penerima: 3

Bantuan Perubatan & Rawatan Dialisis
RM 16,133,318
Penerima: 2,267

Saguhati Hari Raya
RM 11,999,213
Penerima: 24,654

Bantuan Bencana Alam
RM 220,300
Penerima: 212

Pembangunan Pendidikan

Bantuan Yuran & Keperluan Pendidikan
RM 44,983,800
Penerima: 12,248

Biasiswa Pelajaran
RM 17,364,642
Penerima: 3,287

Pembangunan Modal Insan

Kursus & Latihan
RM 1,804,918
Penerima: 5,213

Pembangunan Ekonomi

Bantuan Modal
RM 775,168
Penerima: 211

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran.

69

Asnaf Miskin: Mengekalkan Kestabilan & Mencegah Kemerosotan

Miskin merujuk kepada individu muslim yang pendapatannya melebihi separuh keperluan asas tetapi masih tidak cukup untuk mencapai had kifayah. Bagi kumpulan yang ekonominya masih rapuh ini, zakat bertindak sebagai penstabil untuk mengelakkan mereka kembali terjerumus ke kancah kesempitan akibat kos sara hidup atau kecemasan. Sokongan ini membantu keluarga mengekalkan kestabilan dan pendidikan, seterusnya membolehkan mereka mula fokus untuk berdikari.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 500,646,219

Jumlah Penerima
47,108 Keluarga

Pembangunan Sosial

Bantuan Kewangan Bulanan
RM 137,100,151
Penerima: 26,800

Bantuan Makanan Bulanan
RM 13,617,000
Penerima:: 10,557

Bantuan Sewa Rumah
RM 96,701,465
Penerima: 12,963

Baik Pulih Rumah
RM 8,050,211
Penerima: 295

Pembinaan Rumah Individu
RM 800,115
Penerima: 5

Bantuan Perubatan & Rawatan Dialisis
RM 25,317,555
Penerima: 3,053

Saguhati Hari Raya
RM 20,302,027
Penerima: 44,365

Bantuan Bencana Alam
RM 583,250
Penerima: 424

Pembangunan Pendidikan

Bantuan Yuran & Keperluan Pendidikan
RM 95,462,240
Penerima: 25,297

Biasiswa Pelajaran
RM 30,033,125
Penerima: 6,201

Pembangunan Insan

Kursus & Latihan
RM 8,793,371
Penerima: 11,814

Pembangunan Ekonomi

Bantuan Modal
RM 1,655,135
Penerima: 442

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran.

Asnaf Mualaf: Mengukuhkan Iman & Jati Diri

Mualaf merujuk kepada individu yang baru memeluk Islam atau mereka yang perlu dijinakkan hatinya terhadap Islam. Bagi asnaf mualaf, zakat menyokong kesejahteraan material dan pemahaman agama bagi memudahkan transisi mereka. Bantuan ini bertujuan membina keyakinan, berdikari dan rasa kekitaan dalam komuniti. Dengan memenuhi keperluan ekonomi serta sokongan rohani, zakat membantu mualaf membina kehidupan yang stabil dan mandiri berteraskan iman.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 45,460,010

Jumlah Penerima
4,748 Keluarga

Pembangunan Sosial

Bantuan Kewangan Bulanan
RM 7,282,850
Penerima: 1,874

Bantuan Makanan Bulanan
RM 146,180
Penerima: 179

Bantuan Sewa Rumah
RM5,033,452
Penerima: 755

Saguhati Hari Raya
RM 1,021,900
Penerima: 3,018

Pembangunan Ekonomi

Bantuan Modal
RM 27,549
Penerima: 8

Pembangunan Pendidikan

Elaun Kehadiran Kelas Asas Agama
RM 11,308,870
Penerima: 3,686

Elaun Guru Kelas Asas Agama
RM 6,813,350
Penerima: 183

Bantuan Keperluan Pendidikan & Yuran
RM 550,865
Penerima: 342

Pembangunan Institusi Keagamaan

Kursus & Latihan
RM 1,185,537
Penerima: 6

Program Pembangunan Mualaf
RM 1,060,538
Penerima: 3,801

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran

Asnaf Riqab: Daripada Belenggu Kepada Harapan

Riqab merujuk kepada individu yang terbelenggu oleh kuasa atau keadaan yang menghalang mereka menjalani kehidupan yang lebih baik. Zakat Selangor menyalurkan dana kepada MAIS bagi memastikan inisiatif membebaskan, memulihkan maruah dan memperkasakan golongan ini dilaksanakan dengan berkesan. Melalui kerjasama ini, Zakat Selangor memastikan agihan yang strategik, manakala MAIS menjamin operasi yang cekap demi memberi harapan dan mengubah kehidupan asnaf riqab.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 29,598,501

Pembangunan Sosial

Program Dakwah Riqab
RM 19,599,478

Pusat Pemulihan Akhlak (Baitul Ehsan)
RM 2,214,592

Pusat Pemulihan Akidah (Baitul Iman)
RM 1,982,587

Pusat Pemulihan Dadah Tegar (Baitul Islah)
RM 1,532,785

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran.
Baitul Ehsan, Baitul Iman dan Baitul Islah diuruskan oleh MAIS.

Asnaf Gharimin: Meringankan Beban & Membina Kehidupan

Gharimin merujuk kepada individu muslim yang berhutang bagi memenuhi keperluan asas diri atau keluarga, atau untuk maslahat umum dan tidak mampu melunaskannya. Dalam situasi ini, zakat berperanan sebagai talian hayat pada saat kesempitan kewangan yang berpunca daripada perkara yang tidak dapat dielakkan. Dengan meringankan beban hutang, zakat memulihkan kestabilan, mengurangkan tekanan psikologi serta membolehkan individu dan keluarga memulakan semula kehidupan mereka. Sokongan ini membolehkan penerima kembali terlibat dalam aktiviti ekonomi dengan produktif dan lebih yakin.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 91,384,507

Pembangunan Sosial

Hutang Perubatan

RM35,701,773

Penerima: 5,032

Hutang Rawatan Dialisis

RM29,790,235

Penerima: 2,015

Bantuan Kecemasan / Keperluan Asas

RM15,941,643

Penerima: 6,687

Bantuan Bencana

RM 2,882,405

Penerima: 2,000

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran.

Asnaf Fisabilillah: Memperkasa Ummah

Fisabilillah merujuk kepada perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan menegakkan serta mempertahankan agama Allah SWT. Melalui asnaf fisabilillah, Zakat Selangor melaksanakan program, di samping menyalurkan pembiayaan kepada institusi keagamaan dan rakan strategik bagi melaksanakan inisiatif di jalan Allah. Usaha bersepadu dalam dakwah, pendidikan dan pembangunan komuniti ini memperkukuh nilai-nilai Islam, memperkasa ummah serta memastikan zakat memberikan impak yang berpanjangan dan bermakna.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 203,623,925

Pembangunan Sosial

Bantuan Kecemasan / Keperluan Asas
RM 55,201,853

Elaun Guru Kelas Asas Fardu Ain
RM28,998,061

Program Penerapan Nilai-Nilai Islam
RM 10,939,681
Recipients: 508

Pembangunan Pendidikan

Biasiswa Huffaz Al-Quran
RM 11,423,850
Penerima: 4,919

Bantuan Pendidikan Khas
RM 7,406,141
Penerima: 1,379

Penajaan Pelajar Dalam Negara
RM 2,852,977
Penerima: 295

Penajaan Pelajar Luar Negara
RM 1,192,487
Penerima: 44

Pembangunan Institusi Keagamaan

Pembinaan & Baik Pulih Institusi Agama
RM 50,779,613
Penerima: 404

Sumbangan Persatuan Islam / Badan Kebajikan
RM 2,980,186
Penerima: 34

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran.

Asnaf Ibnu Sabil: Bantuan dalam Setiap Perjalanan

Ibnu Sabil merujuk kepada individu muslim yang terputus bekalan kewangan sama ada ketika memulakan atau semasa dalam perjalanan yang bermanfaat dan diharuskan syarak. Zakat Selangor menyediakan bantuan segera kepada musafir yang berdepan kesulitan tidak dijangka sepanjang perjalanan. Bantuan ini merangkumi keperluan asas seperti makanan, penginapan dan pengangkutan bagi membolehkan mereka meneruskan perjalanan dengan selamat. Ia memperlihatkan peranan zakat dalam memberikan bantuan segera dan ihsan tanpa mengira sempadan.

Ringkasan Impak

Jumlah Agihan
RM 92,233

Pembangunan Sosial

Bantuan Musafir

RM 76,606

Bantuan Pelajar Luar Negara

RM 15,627

Bagi senarai lengkap, sila rujuk Penyata Kewangan pada Seksyen H: Lampiran.

Kisah Impak



Memperkasa Daya Tahan Melalui Zakat

Puan Mahaniza, atau Kak Zah, merupakan asnaf fakir yang menerima bantuan zakat sejak 2018. Beliau menjadi pencari nafkah tunggal bagi empat ahli keluarganya selepas suaminya terlantar akibat penyakit saraf. Di sebalik ujian ini, Kak Zah menunjukkan kecekalan tinggi dengan menjana pendapatan sebagai *personal shopper* di pasar tani seawal jam 6:30 pagi dan dalam masa sama turut menjaga suaminya.

Zakat Selangor memberikan bantuan kewangan berterusan dan sokongan tambahan bagi meringankan beban beliau. Kes ini menunjukan peranan dwi-fungsi zakat: memberikan bantuan asas serta menstabilkan isi rumah yang kehilangan punca pendapatan. Sokongan yang berterusan ini membolehkan penerima terus berusaha menyara hidup, sekali gus membuktikan kepentingan bantuan yang responsif dalam membina daya tahan jangka panjang.

Memulihkan Akses Pendidikan

Dua beradik yang telah lama tercicir daripada persekolahan dikesan berada dalam keadaan rentan akibat kurang sokongan penjaga dan ketiadaan pendapatan tetap. Lawatan rumah oleh Skuad Saidina Umar (SSU) mengesahkan situasi tersebut dan memerlukan campur tangan segera. Sebelum ini dikategorikan sebagai asnaf miskin, mereka telah didaftarkan semula untuk menerima bantuan yang lebih bersasar, merangkumi kelengkapan sekolah, pengangkutan dan bantuan makanan bulanan bagi membolehkan mereka kembali ke alam persekolahan.

Melalui kerjasama dengan pihak sekolah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pemantauan berterusan dilakukan bagi memastikan kebajikan dan kemajuan pendidikan mereka terjaga. Inisiatif ini menekankan kepentingan kolaborasi antara agensi kerajaan dan komuniti dalam memberikan sokongan holistik demi perlindungan serta kelangsungan pembelajaran asnaf.







Memupuk Pertumbuhan: Membina Momentum Ke Arah Berdikari

Encik Shamsul Bukhari bin Saripuddin, seorang asnaf fakir dari Batang Kali, memulakan perjalanannya bersama kami pada 2022. Pada 2025, beliau mengorak langkah berani menyertai Projek Agroekonomi Asnaf di Bukit Beruntung demi membina masa depan yang lebih bermartabat dan berdikari.

Berkat kegigihan beliau, Shamsul Bukhari berjaya mencatatkan hasil individu tertinggi dengan pengeluaran 2.4 tan cili merah daripada jumlah keseluruhan tuaian projek sebanyak 60.9 tan. Pencapaian ini adalah bukti nyata bahawa sokongan yang tepat beserta azam yang kuat mampu mengubah nasib seseorang.

Projek Agroekonomi Asnaf yang dilaksanakan di Permatang Pasir dan Bukit Beruntung ini bermatlamat untuk memutuskan rantaian kemiskinan. Melalui kaedah fertigasi, peserta terpilih dibekalkan dengan plot tanaman dan dibimbing selama tiga tahun untuk menjana pendapatan stabil serta membina simpanan.

Dengan latihan dan bimbingan mentor daripada Pertubuhan Peladang Kawasan, peserta bukan sahaja dilengkapi kemahiran pertanian, malah diperkasa dengan minda usahawan. Kisah Shamsul Bukhari membuktikan bahawa dengan bimbingan dan peluang, kehidupan yang dahulunya dihimpit kesempitan kini mampu berubah menjadi kehidupan yang penuh potensi dan bermakna.



Program Hala Tuju Lepasan SPM 2024

Seramai 200 pelajar asnaf bersama ibu bapa dan penjaga telah menyertai Program Taklimat "Hala Tuju lepasan SPM 2024" (Siri 2) untuk meneroka peluang pendidikan dan latihan kemahiran. Program ini memberi pendedahan terus mengenai laluan ke universiti awam, institusi TVET dan pusat latihan kemahiran melalui penglibatan agensi seperti UiTM, ADTEC, Politeknik Malaysia, Kolej Komuniti dan GiatMARA.

Melalui taklimat berstruktur dan reruai pameran interaktif, pelajar mendapat gambaran jelas mengenai pilihan pengajian, kerjaya serta bantuan kewangan termasuk penajaan pendidikan zakat. Kemudahan permohonan secara terus turut disediakan bagi mempercepatkan akses kepada peluang pengajian dan pembiayaan.

Selain perkongsian maklumat, program ini berjaya mengurangkan kekeliruan serta membina keyakinan pelajar dan ibu bapa dalam membuat keputusan masa depan. Secara keseluruhan, inisiatif ini bukan sekadar memberi maklumat, malah menyediakan hala tuju dan akses bagi membantu pelajar asnaf merancang peralihan ke pendidikan tinggi dan pembangunan kemahiran dengan lebih teratur.

Memperkukuh Ilmu Dalam Kalangan Mualaf

Penghuni Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam telah menduduki Pra-Peperiksaan Modul Bersepadu pada Januari 2025. Penilaian ini merangkumi subjek teras agama seperti Akidah, Fekah, Hadis, Tafsir, Sirah dan Akhlak bagi mengukur tahap pemahaman serta kemajuan pembelajaran mereka.


Langkah inklusif turut diambil bagi membantu penghuni yang menghadapi cabaran membaca, menulis dan mengira (3M) untuk memastikan semua peserta dapat mengikuti proses pembelajaran dengan berkesan. Walaupun baru memeluk Islam, para penghuni menunjukkan komitmen dan kesungguhan tinggi untuk mendalami ilmu serta memperkukuh iman.

Sejak 2017, Zakat Selangor menguruskan Baitus Salam sebagai kemudahan khusus untuk penjagaan, perlindungan dan pembangunan asnaf mualaf. Berpandukan prinsip pemerkasaan holistik, pusat ini fokus kepada pengukuhan kefahaman agama dan penyediaan sokongan menyeluruh bagi membimbing penghuni ke arah kehidupan sebagai seorang muslim yang teguh serta bermakna.



Program *Creating Shared Value (CSV)*

Kelas Intervensi 3M (Membaca, Menulis, Mengira)



Program Intervensi Membaca Zakat Selangor dirangka khusus untuk menyokong anak-anak daripada keluarga asnaf dan B40 dalam membina kemahiran asas membaca. Inisiatif ini merupakan usaha kolaborasi antara Zakat Selangor dan Adab Youth Garage (AYG).


Program ini dilaksanakan di empat lokasi terpilih yang melibatkan seramai 200 pelajar. Bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang lebih fokus dan berkesan, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan bagi setiap lokasi, dengan 25 pelajar bagi setiap kumpulan. Lokasi-lokasi yang terlibat adalah seperti berikut:

Perpustakaan @ AYG Kota Damansara	**AYG Kampung Bukit Cherakah**
Garaj Belia MBSA	**Y-Hub KBS Selangor**

Hasil Program

68%
Peserta mencapai Tahap 3 dan ke atas

25%
Peserta mencapai Tahap 5



K = Konsonan **V** = Vokal

- **KVK** (Konsonan + Vokal + Konsonan)
  Contoh: cat & cap
- **KV + KV** (dua suku kata terbuka)
  Contoh: buku & mata
- **KV + KV + KV** (tiga suku kata terbuka)
  Contoh: kelapa & tomato
- **KV + KVKK** (terbuka & tertutup dengan dua konsonan)
  Contoh: lapang & sarang
- **KV + KVK** (suku kata terbuka & tertutup)
  Contoh: zakat & jalan

Program Tambahan CSV 3M (Kelas Pengajian Al-Quran)



Program Kelas Pengajian Al-Quran diperkenalkan sebagai penambahbaikan kepada Program CSV 3M bagi sesi 2024 / 2025. Sebagai fasa permulaan, program ini dilancarkan di tiga lokasi utama Al-Biruni Zakat Selangor, iaitu:

Al-Biruni Tanjung Karang | **Al-Biruni Puchong** | **Al-Biruni Desa Mentari**

Program ini dilaksanakan selama 12 bulan, dengan sesi pembelajaran selama dua jam, tiga kali seminggu bagi memastikan kemajuan yang konsisten. Inisiatif ini menyasarkan penyertaan seramai 100 peserta dalam kalangan anak asnaf dan B40, dengan menggunakan Modul Iqra' sebagai kerangka utama. Peserta dibimbing oleh tenaga pengajar khusus yang mahir dalam bidang pengajian Al-Quran.


Hasil Program

13


Peserta yang mampu mengaji Al-Quran

59%

Peserta mencapai tahap Iqra' 2 dan ke atas



Saringan Awal



Hasil Program Keseluruhan

Program Pembangunan Sahsiah Keluarga (PPSK) "Pohon Teduh"

Dalam kalangan komuniti asnaf di luar bandar dan pinggir bandar, keluarga sering berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan kesejahteraan mereka. Kekangan kewangan serta akses yang terhad kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan menambah kesukaran hidup harian yang dihadapi oleh ibu bapa dan anak-anak.

Isu seperti kurangnya kesedaran terhadap keperluan emosi anak-anak turut menyumbang kepada salah faham dan konflik. Selain itu, anak-anak menghabiskan masa yang panjang tanpa pengawasan, sekali gus menjadikan mereka mudah terdedah kepada persekitaran yang tidak selamat, pengaruh rakan sebaya yang negatif serta tingkah laku berisiko tinggi.

Prihatin dengan situasi ini, Zakat Selangor telah menganjurkan Program Pembangunan Sahsiah Keluarga (PPSK) "**Pohon Teduh**" dengan kerjasama Kiddocare Academy (KA), yang melibatkan penyertaan ibu bapa dan pelajar.

Peserta

20
Pelajar Bait al-Hasanah
(Umur antara 10 hingga 12 tahun)

40
IbuBapa / Penjaga

Tarikh
6 Disember 2025

Tempat
Bait al-Hasanah

KA merupakan cabang latihan dan pembangunan profesional Kiddocare Sdn. Bhd. yang menyediakan program berstruktur berasaskan bukti bagi melengkapi individu dengan pengetahuan asas penjagaan kanak-kanak, kemahiran praktikal dan etika profesional mengikut piawaian industri.

Dalam konteks PPSK "**Pohon Teduh**", KA mengadaptasi program Nobody's Perfect—sebuah program keibubapaan holistik untuk komuniti asnaf yang berasaskan pengalaman terbukti (seperti di Kanada dan Vietnam). Ia diselaraskan dengan keperluan keluarga asnaf dan berpotensi memberikan impak yang mampan.

Program ini mengalihkan pendekatan daripada sekadar kebajikan kepada pemerkasaan dengan membekalkan ibu bapa dengan peralatan, sokongan dan keyakinan yang diperlukan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga. Secara tidak langsung, usaha ini menyumbang kepada komuniti yang lebih kuat serta mengurangkan kebergantungan jangka panjang terhadap sistem bantuan.







Pop-up Nanny oleh Kiddocare Sdn. Bhd.

Bagi memastikan penyertaan ibu bapa yang aktif dan komited, Zakat Selangor menggunakan khidmat Kiddocare Sdn. Bhd. untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah. Perkhidmatan penjagaan ini disediakan sepanjang program PPSK "**Pohon Teduh**" berlangsung.





Berteraskan Kepercayaan, Berpandukan Integriti

Kami kekal teguh memperkukuh asas institusi melalui tadbir urus yang utuh, pematuhan syariah yang menyeluruh serta penglibatan pihak berkepentingan secara berterusan dengan penekanan kepada ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Kepimpinan kami dipandu oleh Lembaga Pemegang Amanah dari pelbagai latar belakang dan seimbang bagi memperkasakan penentuan keputusan serta tadbir urus yang inklusif. Ini disokong oleh amalan pengurusan risiko dan integriti yang kukuh, sekali gus menjamin pemantauan risiko secara proaktif dan pendirian sifar toleransi terhadap sebarang salah laku.

Kami menerapkan tadbir urus yang menyeluruh merentasi rantaian nilai, termasuk dalam rantaian bekalan dengan mengekalkan 100% sumber tempatan dan 95% penyertaan Bumiputera demi menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Usaha pendigitalan kami terus berkembang bagi meningkatkan integrasi sistem, ketepatan data dan kecekapan perkhidmatan, selain menambah baik ketelusan serta kebolehkesanan dalam pengurusan zakat.

Secara kolektif, usaha ini memperkukuh daya tahan kami, mengawal risiko dan meningkatkan kepercayaan awam bagi memastikan zakat diuruskan dengan penuh tanggungjawab selaras dengan tuntutan syariah.

100%
Tiada Isu Syariah

100%
Tadbir Urus Digital Dilaksana


100%
Vendor Tempatan

95%
Vendor Bumiputera

Kepelbagaian Lembaga Pemegang Amanah



Pecahan mengikut Jantina



Pecahan mengikut Umur





Memperkukuh Pematuhan Syariah

Pematuhan syariah kekal menjadi keutamaan Zakat Selangor dan berfungsi sebagai penanda aras bagi integriti operasi kami dalam memastikan semua proses selaras dengan tuntutan syariah.

Prestasi kami kekal utuh dengan tahap pematuhan secara konsisten memenuhi jangkaan, mencerminkan kemajuan ke arah aspirasi "Sifar Ketidakpatuhan". Semakan dijalankan secara berterusan berpandukan perancangan berstruktur dan pertimbangan berasaskan risiko bagi memastikan bahagian kritikal dipantau dengan sewajarnya.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memperkukuh pengawasan syariah melalui semakan bersasar, terutamanya dalam bidang operasi berisiko tinggi, di samping memantapkan tadbir urus melalui proses penambahbaikan dan penerapan amalan terbaik. Inisiatif kesedaran yang berterusan juga akan dikekalkan bagi menerapkan budaya pematuhan dan pemahaman syariah di seluruh organisasi.

35 Dokumen syariah telah disemak

0 Sasaran ketidakpatuhan telah ditetapkan

100% Tiada isu syariah

Komitmen

Semakan dokumen syariah akan diteruskan mengikut aktiviti yang dirancang berdasarkan keutamaan dan penilaian risiko.

Inisiatif yang Dirancang bagi Tahun 2026

Dokumen syariah yang disemak	Aktiviti penambahbaikan proses	Inisiatif kesedaran untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap kepatuhan syariah
✔ Melaksanakan pendekatan menyeluruh dalam menyemak sekurang-kurangnya 15 dokumen syariah	✔ Analisis amalan terbaik terhadap kepatuhan syariah	✔ Sesi taklimat dan jelajah
✔ Semakan tambahan berdasarkan analisis dan pendedahan risiko		✔ Latihan khusus
		✔ Komunikasi dalaman (contoh: buletin dan kuiz)



Menerapkan Budaya Integriti

Kami memberikan keutamaan yang jelas integriti dalam kalangan warga kerja sebagai benteng utama bagi mengekang amalan rasuah dan penyelewengan.

Bagi memastikan piawaian etika sentiasa dijunjung, kami memupuk budaya integriti yang teguh melalui program kesedaran bersasar dan latihan yang berstruktur. Warga kerja dibekalkan dengan pemahaman jelas mengenai polisi dan prosedur bagi membolehkan mereka mengenal pasti, mencegah serta melaporkan sebarang bentuk salah laku.

Usaha ini diperkukuh menerusi inisiatif kesedaran berterusan dan komunikasi yang telus bagi menegaskan pendirian sifar toleransi kami terhadap rasuah kepada semua pihak berkepentingan.


Pada tahun 2025, komitmen ini diperkasakan lagi melalui siri sesi libat urus kesedaran bersama pihak berkepentingan dalaman dan luaran, sekali gus membuktikan tanggungjawab bersama dalam melestarikan budaya integriti di seluruh Zakat Selangor.

Inisiatif Anti-Rasuah

No	Inisiatif	Tarikh Pelaksanaan/Siap
1	Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) Zakat Selangor 2026–2028 (dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia [IIM])	S4 2025
2	Menjalankan analisis jurang antara amalan pemberian maklumat *(whistleblowing)* Zakat Selangor dengan Sistem Pengurusan Pemberian Maklumat – Garis Panduan (ISO 37002:2021)	S3 2025
3	Pembangunan dan pelaksanaan Kod Etika bagi Rakan Perniagaan yang dilantik oleh Zakat Selangor	S4 2025
4	Pemprofilan Integriti Individu (IIP) (dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia [IIM])	S4 2025
5	Program Kesedaran Integriti	Rujuk di bawah
6	Pensijilan semula MS ISO 37001:2025 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS)	7 November 2025
7	Menjalankan Semakan Pematuhan Anti-Rasuah (berdasarkan MS ISO 37001:2016 ABMS)	S2 & S3 2025
8	Semakan suku tahunan profil risiko rasuah bahagian	S1 - S4 2025
9	Usaha wajar (*due diligence*) ke atas pelantikan pihak ketiga	Sepanjang tahun
10	Kuiz Integriti	Semasa program kesedaran
11	Perkongsian ilmu mengenai integriti melalui kandungan kreatif	Bulanan

Program Kesedaran Integriti

Program	Kumpulan Peserta	Jumlah Peserta
Hari Kepatuhan 2025: • **Forum Integriti oleh Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia (SPRM)** • **Sesi Ikrar Integriti Korporat**	Vendor dan Ejen Kutipan	338
Segmen integriti semasa taklimat tender	Bakal Vendor	n/a
Ceramah integriti semasa Taklimat	Warga Kerja	137
Program kesedaran warga kerja	Warga Kerja	156



100%
Tadbir urus digital dilaksanakan

85%
Kutipan melalui platform dalam talian

100%
Kesediaan platform tanpa tunai

74%
Kakitangan daripada Generasi Baharu

95%
Tahap *Data Health* Agihan

72%
Penyertaan bekerja secara hibrid

Pendigitalan Perniagaan

Perjalanan pendigitalan Zakat Selangor telah menghasilkan rangka kerja tadbir urus digital sepenuhnya, sekali gus memperkukuh ketelusan, pengawasan dan akauntabiliti di seluruh operasi. Zakat Selangor juga telah mencapai kemajuan signifikan ke arah ekosistem tanpa tunai bagi kutipan dan agihan zakat, membolehkan transaksi yang lebih pantas, selamat dan cekap.

Kemajuan ini menyumbang kepada prestasi operasi yang lebih mantap dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik. Ini terbukti melalui tahap kepuasan pelanggan yang baik secara konsisten. Pada masa yang sama, pendigitalan telah meningkatkan ketangkasan tenaga kerja melalui amalan aturan kerja hibrid serta integrasi kumpulan bakat muda yang celik digital.

Secara kolektif, perkembangan ini menunjukkan transisi Zakat Selangor ke arah sebuah organisasi yang lebih cekap, responsif dan sedia menghadapi cabaran masa hadapan.



Memperkasa Modal Insan, Memacu Prestasi

Di Zakat Selangor, warga kerja kami adalah tunjang kekuatan institusi yang membolehkan kami menghulurkan impak bermakna kepada komuniti. Kami komited dalam memupuk persekitaran kerja yang menggalakkan penglibatan, pembelajaran secara berterusan dan kesejahteraan warga kerja, di samping menjamin persekitaran kerja yang selamat dan sihat berteraskan amalan pekerjaan yang adil dan bertanggungjawab.

Kami terus memperkukuh fokus terhadap hak asasi manusia dan buruh, amalan imbuhan yang adil serta kebajikan warga kerja, selari dengan standard Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di seluruh organisasi. Usaha ini mencerminkan komitmen kami dalam menyediakan tempat kerja yang bukan sahaja inklusif, malah kondusif untuk menghasilkan prestasi yang mampan.

Kami memperkukuh tanggungjawab pengurusan modal insan dan kelestarian prestasi tinggi oleh warga kerja, dengan mendorong persekitaran yang membolehkan warga kerja diperkasakan untuk berkembang maju serta dihormati. Prinsip-prinsip ini, yang berlandaskan keadilan dan kesaksamaan, turut meningkatkan keupayaan kami untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik.

Jumlah warga kerja	Warga kerja baharu
658	**12**
2024: 676	2024: 53
Perletakan jawatan warga kerja	**Kadar pusing ganti**
13	**1.98%**
2024: 17	2024: 3%


Prestasi Pengurusan Warga Kerja dan Bakat

Kepelbagaian, Kesaksamaan & Inklusif

100%
Warga Kerja adalah tenaga mahir tempatan


100%
Pengurusan kanan adalah tenaga mahir tempatan

Nisbah Gaji Pokok & Imbuhan Wanita kepada Lelaki



Hak Asasi Manusia & Hak Buruh

0 Insiden Diskriminasi 2025




100% Warga kerja yang kembali bekerja selepas tamat cuti ibu bapa dan masih berkhidmat sebagai warga kerja selepas 12 bulan kembali bekerja


Penglibatan Warga Kerja

D– 24 Jam M– Bulanan Q– Sukuan OY– Sekali Setahun TY– 2 Kali Setahun

Retreat Divisyen	(OY)	Taklimat Bulanan 45-Minit	(M)
Pemeriksaan Kesihatan Merdeka	(OY)	Morning Circle	(M)
Townhall Kumpulan Pengurusan	(OY)	Amil Take Charge (Semua Warga Kerja)	(OY)
Townhall Zakat Selangor	(TY)	Leaders Take Charge	(TY)
Program Inspirasi Merdeka	(OY)	Sukan Zakat Selangor	(OY)
Program Ihya Ramadan	(OY)	*Chatbox* Amara.ai	(D)
Sambutan Aidilfitri	(OY)	Program Pengukuhan Integriti	(OY)
Zakat Selangor's Let's Get Fit	(OY)	Program Solat Hajat Perdana	(Q)


Jumlah Warga Kerja






Perempuan Lelaki






50 tahun ke atas | 30 - 50 tahun | 30 tahun ke bawah

Warga Kerja Mengikut Jantina



Perempuan Lelaki

Warga Kerja Mengikut Umur



Bukan Eksekutif | Eksekutif | Pengurusan Pertengahan | Pengurusan Kanan


Latihan Warga Kerja

Jumlah Jam Latihan

36, 857

Jumlah Keseluruhan Jam Latihan

Jumlah Jam Latihan Mengikut Kategori Warga Kerja




Jumlah Purata Jam Latihan

Purata sebanyak


56

jam latihan bagi setiap warga Kerja

Purata Jam Latihan Mengikut Kategori Warga Kerja



Bilangan Peserta Mengikut Kategori Program Latihan



Prestasi KKP

Latihan Keselamatan dan Kesihatan

Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT): 30 warga kerja	**Latihan HIRARC:** 56 warga kerja	**Latihan Asas Pemanduan Defensif 2025:** 15 warga kerja
Sesi Taklimat Keselamatan (12 Sesi) Purata: 170 warga kerja	**Latihan Asas Pengendalian Forklif:** 8 warga kerja	**Penilaian Risiko Ergonomik di Tempat Kerja:** 64 warga kerja
Saringan Kesihatan Mental di Ibu Pejabat: 200 warga kerja	**Kursus Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan (BOFA):** 46 warga kerja	**Latihan Kebakaran:** 30 warga kerja
Bekerja di Tempat Tinggi dengan Tali: 5 warga kerja	**Bekerja di Tempat Tinggi untuk Penyelia dan Pengguna:** 19 warga kerja	**Saringan Kesihatan Warga Kerja (MZSIS):** 250 warga kerja

Prestasi Keselamatan dan Kesihatan

Kecederaan Berkaitan Pekerjaan

Bilangan kes kejadian berbahaya dan kecederaan badan yang serius	10
Bilangan kes kecederaan berkaitan pekerjaan yang direkodkan	13
Kematian akibat kecederaan berkaitan pekerjaan	0
Jumlah jam bekerja	1,483,040

Penyakit Berkaitan Pekerjaan

Bilangan kematian akibat penyakit berkaitan pekerjaan	0
Bilangan kes penyakit	2
Bilangan kes penyakit serius	2



Melindungi Alam Sekitar

Kami kekal komited untuk memperkukuh tanggungjawab terhadap alam sekitar. Ini sebahagian daripada usaha untuk memastikan kelestarian operasi, di samping menyumbang nilai jangka masa panjang kepada pihak berkepentingan. Walaupun tidak tertakluk kepada syarat mandatori pelaporan berkait alam sekitar, kami tetap memantau dan mengurus impak terhadap alam sekitar secara proaktif, selaras dengan prinsip akauntabiliti yang kukuh serta amalan tadbir urus yang berpandangan jauh.


Sepanjang tahun 2025, usaha difokuskan kepada memperkukuh kecekapan sumber, mengurangkan intensiti pelepasan karbon dan penerapan amalan lestari merentasi operasi. Inisiatif ini membuktikan komitmen Zakat Selangor dalam mengimbangi pertumbuhan operasi dengan pengurusan alam sekitar yang bertanggungjawab, selaras dengan aspirasi untuk membina institusi yang berdaya tahan dan responsif.

203 tCO_2e Pelepasan GHG Skop 1	**2,967** GJ Tenaga tidak boleh diperbaharui yang digunakan
2,187 tCO_2e Pelepasan GHG Skop 2	**10,387** GJ Tenaga digunakan adalah daripada tenaga yang dibeli
71,238 m^3 Penggunaan air	**171** GJ Tenaga boleh diperbaharui yang digunakan
3,860 kg Bahan kitar semula yang terkumpul	**47,376** kWh Penjanaan tenaga solar

Pengurusan Tenaga

Memperkukuh pendekatan kami terhadap pengurusan tenaga kekal menjadi keutamaan seiring dengan usaha kami untuk meningkatkan penggunaan tenaga bersih di samping mengekalkan kecekapan operasi. Sebagaimana yang digambarkan dalam rajah di bawah, penjanaan tenaga solar kami di Menara Zakat Sultan Idris Shah meningkat dengan ketara kepada 47,376 kWh pada tahun 2025 berbanding 4,290 kWh pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan pengukuhan besar dalam penggunaan tenaga boleh baharu di tapak kami. Kemajuan ini turut dibuktikan melalui peningkatan dalam jumlah penggunaan tenaga boleh baharu, yang meningkat daripada 15.44 GJ pada tahun 2024 kepada 170.56 GJ pada tahun 2025.

Pada masa yang sama, penggunaan tenaga tidak boleh baharu kami berkurang daripada 3,302.56 GJ pada tahun 2024 kepada 2,966.55 GJ pada tahun 2025, menunjukkan penambahbaikan beransur-ansur dalam penggunaan tenaga keseluruhan kami. Walau bagaimanapun, tenaga yang dibeli untuk kegunaan meningkat kepada 10,386.58 GJ pada tahun 2025 daripada 8,465.95 GJ pada tahun 2024. Ini menunjukkan bahawa permintaan operasi kami terus berkembang meskipun terdapat sumbangan tenaga boleh baharu yang lebih kukuh. Trend penggunaan tenaga ini memberikan konteks penting terhadap prestasi pelepasan gas rumah hijau (GHG) kami, sekali gus menekankan kemajuan dalam penggunaan tenaga boleh baharu serta keperluan berterusan untuk meningkatkan kecekapan tenaga di samping menguruskan permintaan elektrik yang kian meningkat di seluruh organisasi.



Tahun	2023		2024		2025
Tenaga tidak boleh baharu yang digunakan (GJ)	3,216	▲ 3%	3,303	▼ 10%	2,967
Tenaga boleh baharu yang digunakan (GJ)	0		15	▲ 1,004%	171
Penggunaan tenaga elektrik yang diperoleh (GJ)	6,943	▲ 22%	8,466	▲ 23%	10,387

Pelepasan GHG

Walaupun tidak tertakluk kepada keperluan mematuhi syarat pelaporan gas rumah hijau, kami terus mengukur dan melaporkan pelepasan GHG kami secara proaktif sebagai sebahagian daripada komitmen dan akauntibiliti terhadap kelestarian alam sekitar. Jumlah pelepasan bagi GHG Skop 1 dan Skop 2 kami meningkat daripada 2,007.30 tCO2e pada tahun 2024 kepada 2,389.52 tCO2e pada tahun 2025. Peningkatan ini didorong oleh pelepasan Skop 2 yang lebih tinggi, yang meningkat daripada 1,782.55 tCO2e kepada 2,186.95 tCO2e, manakala pelepasan Skop 1 kami menurun daripada 224.75 tCO2e kepada 202.57 tCO2. Trend ini menunjukkan bahawa walaupun kami berjaya mengurangkan pelepasan Skop 1, usaha untuk mengurangkan pelepasan Skop 2 kekal sebagai cabaran utama bagi kami. Menangani perkara ini kekal menjadi keutamaan, seiring dengan usaha kami untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan memperluaskan penggunaan tenaga boleh baharu.

Tahun	2023		2024		2025
Skop 1 (tCO2e)	218	▲ 3%	225	▼ 10%	203
Skop 2 (tCO2e)	1,462	▲ 22%	1,783	▲ 23%	2,187

Nota:

- Data GHG Skop 1 bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 dikira mengikut metodologi standard terkini: IPCC 2019 (GHG *Protocol*) dan UK DEFRA 2023.
- Data GHG Skop 2 bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 dikira mengikut metodologi standard terkini: Faktor Pelepasan Grid (Grid Emission Factor - GEF) Malaysia dan rujukan MGTC (laman web).

Pengurusan Air

Seiring dengan usaha mengurangkan pelepasan GHG, pengurusan air kekal menjadi bidang fokus utama dalam memperkukuh kecekapan operasi serta tanggungjawab kami terhadap alam sekitar. Pada tahun 2025, jumlah penggunaan air di seluruh Zakat Selangor telah berkurangan sebanyak 8.69%, daripada 78,016.55 m³ pada tahun 2024 kepada 71,238.47 m³, menandakan peningkatan kecekapan dalam penggunaan air. Pengurangan ini hasil daripada penggunaan air yang lebih rendah di kemudahan institusi (turun 8.94% kepada 66,557m3).

Sebaliknya, penggunaan air di cawangan-cawangan meningkat sebanyak 32.16% kepada 3,230.00 m³. Ini menunjukkan keperluan untuk pemantauan rapi dan langkah pengurangan bersasar di lokasi-lokasi tersebut. Secara keseluruhan, trend ini menunjukkan kemajuan positif dalam pemuliharaan air, di samping memperkukuh kepentingan inisiatif yang mampan dan bersasar untuk mengoptimumkan penggunaan air di semua tapak operasi.

Tahun	2023		2024		2025
Penggunaan Air (m³)	73,550	▲ 6%	78,017	▼ 9%	71,238

Nota:

- Penggunaan air yang dilaporkan adalah berdasarkan bekalan air terawat yang dibekalkan oleh penyedia perkhidmatan air negeri.

Pengurusan Sisa: Kitar Semula

Bagi memperkukuhkan lagi usaha pengurusan alam sekitar, Zakat Selangor telah mencatatkan kemajuan memberangsangkan dalam pengurusan sisa melalui pengukuhan amalan kitar semula.

Pada tahun 2025, jumlah sisa kitar semula meningkat secara signifikan daripada 540 kg pada tahun 2024 kepada 3,860 kg, mewakili pertumbuhan sebanyak 614.81%. Peningkatan ketara ini memberikan gambaran tahap kesedaran organisasi dan penyertaan yang lebih tinggi dalam inisiatif ini serta integrasi amalan mampan yang lebih kukuh dalam operasi harian.

Melangkah ke hadapan, Zakat Selangor akan terus memperkasakan inisiatif pengurusan sisa melalui program kesedaran yang berterusan, meningkatkan penglibatan warga kerja serta amalan operasi yang lebih mampan. Adalah diharapkan agar usaha ini dapat meningkatkan lagi prestasi kitar semula, membantu mengurangkan penghasilan sisa, sekaligus meminimumkan penjanaan sisa ke tapak pelupusan sampah.

Tahun	2024	2025
Sisa Dikitar Semula (kg)	540 ▲615%	3,860



Melangkah Ke Hadapan

Zakat Selangor kekal komited untuk memperkukuh prestasi alam sekitarnya secara berterusan sebagai sebahagian daripada perjalanan kelestarian jangka panjang. Menyedari kepentingan tindakan berasaskan data, kami telah menetapkan garis dasar (*baseline*) bagi pelepasan GHG, dengan pelepasan Skop 1 sebanyak 214.22 tCO2e dan pelepasan Skop 2 sebanyak 2,635.68 tCO2e. Garis dasar ini akan berfungsi sebagai titik rujukan utama dalam memandu strategi pengurangan dan pemantauan prestasi masa hadapan.

Selain itu, Zakat Selangor telah memulakan pengukuran pelepasan GHG Skop 3, bermula dengan kategori Perjalanan Warga Kerja. Dapatan awal menunjukkan purata pelepasan sebanyak 272.28 kgCO2e bagi setiap warga kerja sebulan, sekali gus memberikan gambaran lanjut mengenai pelepasan tidak langsung merentasi operasi kami.

Melangkah ke hadapan, usaha akan difokuskan kepada mempertingkatkan kecekapan tenaga, memperluaskan penggunaan tenaga boleh baharu dan melaksanakan inisiatif bersasar untuk mengurus penggunaan sumber dengan lebih berkesan. Melalui langkah-langkah ini, Zakat Selangor menyasarkan untuk mengurangkan jejak alam sekitar secara progresif sambil mengekalkan pertumbuhan operasi dan menjana nilai yang berkekalan kepada komuniti yang disantuni.

F

Perancangan Masa Hadapan



Fokus Utama Pengurusan bagi Tahun 2026

2026

Memperkukuh Asas Organisasi

KECEKAPAN OPERASI

- Modal Insan: Pasukan berkeupayaan tinggi dan bertanggungjawab
- Proses: Jelas dan telus
- Teknologi: Stabil dan berfungsi
- Tadbir Urus: Memperkukuh kepercayaan dan akauntabiliti

MENGOPTIMUMKAN OPERASI TERAS

- Agihan yang berkesan kepada fakir, miskin dan mualaf
- Bantuan produktif yang proaktif dan berkesan
- Penembusan kutipan zakat yang berkesan

2030

Menjadi institusi zakat terbaik di dunia menjelang 2030

Melangkah ke hadapan, Zakat Selangor kekal fokus untuk memperkukuh asas institusi di samping memacu aspirasi jangka panjang, untuk menjadi institusi zakat terbaik di dunia menjelang tahun 2030. Pelan hala tuju strategik ini menetapkan tahun 2026 sebagai tahun "Memperkukuh Asas Organisasi", dengan tumpuan pengurusan ditujukan kepada usaha meningkatkan kecekapan operasi dan mengoptimumkan operasi teras sebagai asas kepada penciptaan nilai yang mampan. Ini merangkumi pembentukan pasukan yang berkeupayaan tinggi dan berakauntabiliti, memastikan proses yang lebih jelas dan telus, memantapkan tadbir urus serta memperkukuh kestabilan dan kecekapan fungsi platform teknologi merentas organisasi.

Fokus jangka masa pendek ini akan menyokong penyampaian yang lebih berkesan dalam teras operasi Zakat Selangor, agihan dan kutipan zakat. Keutamaan pengurusan termasuklah memperkukuhkan penyampaian bantuan kepada golongan fakir, miskin dan mualaf, memacu inisiatif bantuan produktif untuk pembangunan asnaf serta meningkatkan penembusan kutipan zakat. Secara kolektif, keutamaan ini mencerminkan komitmen Zakat Selangor untuk meningkatkan keberkesanan operasi di samping memastikan perkhidmatan kami terus memberikan manfaat kepada penerima manfaat dan juga pengeluar zakat.

Pelan Hala Tuju Strategik



Pasca 2026, pelan hala tuju Zakat Selangor menggariskan perjalanan transformasi yang lebih menyeluruh di bawah model perniagaan baharunya. Selepas fasa pengukuhan dalaman, organisasi akan memulakan strategi baharu selama empat tahun bagi tempoh 2027–2030, dengan aspirasi untuk memacu pertumbuhan pesat pada 2028, diikuti dengan pertumbuhan mampan pada 2029, mencapai status sebagai organisasi yang moden dan didigitalisasikan sepenuhnya menjelang 2030. Bagi menyokong peralihan ini, inisiatif utama yang dijalankan termasuk pelancaran sistem digital baharu bagi urusan agihan, kutipan, perolehan dan perancangan sumber perusahaan. Ianya bertujuan untuk mempertingkat penyampaian perkhidmatan, ketangkasan operasi serta daya tahan organisasi.

Seiring dengan pelaksanaan pelan hala tuju ini, Zakat Selangor kekal komited untuk mengimbangi kecemerlangan operasi dengan matlamat sosial yang lebih luas. Melalui pengukuhan keupayaan dalaman, pemodenan sistem serta pembudayaan penambahbaikan berterusan, Zakat Selangor berusaha meningkatkan keupayaan dalam memenuhi jangkaan pihak berkepentingan yang kian berkembang, di samping menjana nilai mampan kepada komuniti yang disokongnya.



Penutup

Seiring langkah Zakat Selangor menuju masa hadapan, organisasi ini kekal diterajui oleh matlamat yang jelas dalam memacu nilai melalui penambahbaikan berterusan. Hala tuju yang berpandangan jauh ini berteraskan kepercayaan bahawa transformasi yang bermakna bermula dari dalam. Atas semangat ini, Zakat Selangor akan terus memperkukuh asasnya, menerima inovasi dan menerajui transformasi strategik demi menyantuni komuniti asnaf serta seluruh pihak berkepentingan dengan lebih baik.

Melalui pelaksanaan pelan hala tuju strategik yang berdisiplin, Zakat Selangor yakin dengan keupayaannya untuk membina sebuah institusi yang lebih teguh, tangkas dan sedia masa hadapan. Dengan kekal teguh pada nilai-nilainya, memperkasakan kecemerlangan operasi dan memacu kemajuan digital, organisasi ini bertekad untuk mengangkat standard pengurusan zakat demi manfaat generasi masa kini dan akan datang.

G Nadi Semasa



Program Komuniti



Sentuhan Ramadan Bawa Kegembiraan Buat Anak Yatim dan Pelajar Asnaf di Universiti MAHSA

Universiti MAHSA, 19 Mac 2025 – Zakat Selangor dengan kerjasama rakan strategik Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan Universiti MAHSA, menganjurkan program Sentuhan Ramadan yang melibatkan majlis berbuka puasa bagi anak-anak yatim dan pelajar asnaf. Program yang ditaja sepenuhnya oleh PNSB ini memberi manfaat kepada 100 anak yatim, 130 pelajar asnaf dan 50 orang kakitangan. Di samping itu, para pelajar turut menerima sumbangan Hari Raya yang ditaja oleh Universiti MAHSA. Para pelajar turut menerima barangan keperluan hari raya serta sumbangan hari raya yang ditaja oleh Universiti MAHSA.

SDG Utama



SDG Sekunder





Skuad Payung Rasa Zakat Selangor Santuni Asnaf Uzur, Bersihkan Kediaman

Sijangkang, 26 Julai 2025 – Zakat Selangor melalui program komuniti Skuad Payung Rasa telah mengadakan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kediaman Mohd Lutfie Jumain, 46, seorang penerima zakat yang menghidap komplikasi jantung dan diabetes kronik. Inisiatif ini menggabungkan lebih 50 sukarelawan yang terdiri daripada warga kerja Zakat Selangor, pelajar City University Cyberjaya, Jawatankuasa Masjid Jamal Ehsani serta artis jemputan Azhan Rani dan Eida Moin. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuk mengecat, membersihkan kediaman serta menggantikan kelengkapan asas, selain sumbangan perabot tambahan daripada Hospital Pakar SALAM Shah Alam bagi memberi keselesaan kediaman penerima.

SDG Utama



SDG Sekunder





Zakat Selangor Sokong Malaysia Clean Up Day Demi Memperkasa Komuniti Asnaf

Shah Alam, 27 September 2025 – Zakat Selangor menyokong Program Komuniti Malaysia Clean Up Day yang diadakan sempena Hari Pembersihan Sedunia 2025 di Baitus Salam, Jalan Kebun. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkasa komuniti asnaf mualaf melalui inisiatif pembersihan alam sekitar dan kesedaran kelestarian. Dilaksanakan dengan kerjasama agensi strategik serta penyertaan aktif penduduk setempat, program ini menghimpunkan seramai 1,000 sukarelawan bagi aktiviti pembersihan kawasan, latihan penyelenggaraan asas dan amalan kitar semula. Inisiatif ini merupakan pendekatan bersepadu ke arah membina komuniti yang lebih bersih, sihat dan berdaya tahan, selaras dengan komitmen Zakat Selangor untuk meningkatkan kesejahteraan asnaf secara menyeluruh.

SDG Utama



SDG Sekunder







Program Komuniti Jom Rewang Perkukuh Hubungan Tempatan di Sabak Bernam

Sabak Bernam, 25 Oktober 2025 – Zakat Selangor menganjurkan program komuniti di bawah Kempen Impak Dirasa, "Jom Rewang", di Sabak Bernam sebagai satu inisiatif untuk mendekati masyarakat setempat melalui semangat gotong-royong. Program ini menghimpunkan hampir 500 peserta daripada komuniti tempatan, sekali gus berfungsi sebagai platform untuk memperkukuh ikatan antara institusi dan masyarakat akar umbi. Berteraskan tema "Sentiasa Bersama, Sentiasa Menjaga", inisiatif ini menyerlahkan nilai kebersamaan, kepercayaan dan tanggungjawab sosial, di samping menzahirkan usaha berterusan dalam membina hubungan komuniti yang lebih erat serta meluaskan impak zakat.

SDG Utama



SDG Sekunder



Kisah Kami



DYMM Sultan Selangor Rasmi Menara Zakat Sultan Idris Shah

Shah Alam, 23 Januari 2025 – DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, berkenan merasmikan Menara Zakat Sultan Idris Shah di Shah Alam sebagai ibu pejabat baharu Zakat Selangor, sempena sambutan ulang tahun ke-30 institusi tersebut. Ibu pejabat ini berfungsi sebagai pusat sehenti bagi perkhidmatan kutipan, agihan dan pembangunan asnaf serta dilengkapi dengan fasiliti moden yang direka untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Pembukaan ibu pejabat baharu ini mencerminkan komitmen berterusan Zakat Selangor terhadap tadbir urus berasaskan integriti, kecemerlangan operasi serta kebajikan asnaf dan kepercayaan pembayar zakat.

SDG Utama



SDG Sekunder





Zakat Selangor Terima Pengiktirafan Antarabangsa

Jeddah, 17 Februari 2025 – Zakat Selangor menerima pengiktirafan antarabangsa melalui penganugerahan Cambridge Islamic Funds Awards 2025 (CIFA 2025) bagi kategori Institusi Islam Terbaik untuk Kemanusiaan dan Bantuan di Malaysia. Anugerah ini mengiktiraf pengurusan dan agihan dana zakat yang berkesan, telus serta berimpak tinggi, terutamanya dalam memperkasa komuniti asnaf. Pengiktirafan ini membuktikan prestasi konsisten, inovasi, tadbir urus beretika serta pengurusan risiko yang mantap oleh Zakat Selangor, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai institusi zakat yang berwibawa di peringkat antarabangsa.

SDG Utama



SDG Sekunder





Zakat Selangor Umum Kadar Zakat Fitrah RM7, RM15 dan RM22

Shah Alam, 15 Mac 2025 – Zakat Selangor mengumumkan kadar zakat fitrah bagi Negeri Selangor untuk bulan Ramadan ditetapkan pada RM7, RM15 dan RM22 seorang, berdasarkan gred dan jenis beras yang menjadi makanan ruji majoriti umat Islam di negeri ini. Kadar tersebut ditentukan berdasarkan timbangan 2.6 kilogram beras (satu gantang Baghdad), selaras dengan ketetapan syarak dan amalan semasa.

SDG Utama



SDG Sekunder





Iklan Raya Payung Rasa Catat 2.2 Juta Tontonan

Shah Alam, 25 Mac 2025 – Sempena kempen Sentuhan Ramadan, Zakat Selangor melancarkan iklan Raya bertajuk "Payung Rasa" yang menampilkan Zahiril Adzim dan Shiera Aiyob sebagai peneraju utama. Iklan tersebut mengangkat tema pengorbanan seorang bapa demi kesejahteraan keluarganya, selaras dengan mesej keprihatinan dan tanggungjawab yang dibawa oleh kempen tersebut. Dengan catatan 2.2 juta tontonan, kempen ini membuktikan capaian digital yang luas serta keberkesanan elemen penceritaan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan zakat.

SDG Utama



SDG Sekunder





Bantuan Awal RM500 Buat Mangsa Letupan Gas Putra Heights

Subang Jaya, 4 April 2025 – Susulan insiden kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, Zakat Selangor telah menyalurkan bantuan awal sebanyak RM500 kepada setiap ketua isi rumah beragama Islam yang terjejas bagi membantu meringankan beban segera akibat tragedi tersebut. Bantuan ini melibatkan golongan asnaf fakir dan miskin berdaftar serta mangsa bukan asnaf yang turut terkesan dalam insiden berkenaan. Inisiatif ini memperlihatkan respon pantas Zakat Selangor dalam menyokong komuniti yang ditimpa musibah dan membantu mengurangkan kesulitan sepanjang tempoh pemulihan.

SDG Utama



SDG Sekunder





Zakat Selangor Kutip & Agih Lebih RM1.0 Bilion

Shah Alam, 23 April 2025 – Zakat Selangor mencatatkan kutipan zakat tertinggi dalam sejarahnya dengan jumlah keseluruhan mencecah RM1.22 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.19 bilion telah diagihkan kepada lebih 370,000 penerima asnaf di seluruh Selangor. Pencapaian ini menandakan tahun ketiga berturut-turut Zakat Selangor melepasi ambang RM1 bilion bagi kedua-dua aspek kutipan dan agihan. Kejayaan ini menjadi bukti terhadap kepercayaan lebih 380,000 pembayar zakat serta komitmen berterusan institusi ini dalam menguruskan dana zakat secara berintegriti dan berimpak tinggi.

SDG Utama



SDG Sekunder






Zakat Selangor Raikan Rakan Strategik dan Pengiktirafan Kutipan Zakat 2025 (GRASIAZ)

Shah Alam, 30 April 2025 – Zakat Selangor menganjurkan Majlis Gemerlapan Rakan Strategik Zakat Selangor (GRASIAZ) 2025 bagi menghargai majikan Skim Potongan Gaji (SPG), ejen kutipan, institusi pendidikan dan platform pembayaran. Lima majikan SPG dan 11 ejen kutipan menerima anugerah atas prestasi cemerlang 2024, dengan MBSB Bank Berhad merangkul Anugerah Khas Umar Abdul Aziz (peningkatan kutipan 42%). Majlis turut menyampaikan anugerah Pengiktirafan Muzakki (IKTIRAF) kepada 10 syarikat, selain menerima zakat perniagaan berjumlah RM409,051.75 daripada Kenanga Investment Bank, Kiddocare Sdn. Bhd. dan TSM Venture Group. GRASIAZ 2025 memperkukuh komitmen Zakat Selangor dalam meluaskan pangkalan pembayar dan mendukung tadbir urus berintegriti.

SDG Utama



SDG Sekunder





Kolaborasi Zakat Selangor-PTPTN Perkukuh Pendidikan Anak Muzakki Melalui SIDDIK

Shah Alam, Jun 2025 – Zakat Selangor dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperkenalkan inisiatif Sumbangan Pendidikan Anak Muzakki Selangor (SIDDIK). Inisiatif ini menawarkan sumbangan pendidikan sebanyak RM100 bagi setiap anak muzakki berumur 7 hingga 17 tahun (Tahun 1 hingga Tingkatan 5) yang belajar di institusi pendidikan diiktiraf. Sumbangan ini diberikan kepada ibu bapa atau penjaga yang membayar zakat antara RM500 hingga RM5,000 setahun sebagai tanda penghargaan atas caruman mereka. Melalui kolaborasi ini, sumbangan akan dikreditkan terus ke dalam akaun Simpan SSPN Prime anak penerima, termasuk pembukaan akaun baharu jika perlu. Inisiatif ini selaras dengan komitmen Zakat Selangor dalam menghargai pembayar zakat sambil menyokong pembangunan pendidikan generasi muda.

SDG Utama



SDG Sekunder





ijDAZ 2025 Perkukuh Rangkaian Tadbir Urus Zakat

Bangi, 9 Julai 2025 – Zakat Selangor dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat-MAIWP (PPZ-MAIWP) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) menganjurkan Ijtimak Duat dan Asatizah Zakat (ijDAZ) 2025, yang menghimpunkan hampir 200 pendakwah dan asatizah dari seluruh negara. Program dua hari yang berlangsung di Bangi, Selangor ini bertemakan "Ke Arah Pemerkasaan Tadbir Urus Syariah dan Dakwah dalam Kalangan Amil Zakat di Malaysia" berfungsi sebagai platform nasional untuk memperkukuh penyelarasan serta memantapkan peranan syariah dan dakwah dalam pengurusan zakat. Dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR, Dato' Selamat Paigo, program ini adalah salah satu daripada komitmen berterusan Zakat Selangor dalam meningkatkan kolaborasi antara institusi zakat nasional bagi mempromosikan pendekatan kutipan dan agihan zakat yang lebih tersusun, sistematik dan berkesan.

SDG Utama



SDG Sekunder





Kembara Zakat 2025: Zakat Selangor Perkasa Misi Dakwah ke Wilayah Selatan

Shah Alam, 21 Julai 2025 – Zakat Selangor terus memperkukuh peranannya dalam memartabatkan institusi zakat melalui penyertaan dalam Konvoi Kembara Zakat Kebangsaan (KZK) 2025 yang berlangsung dari 15 hingga 18 Julai. Program ini anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Konvoi yang melibatkan 200 peserta dan 60 kenderaan ini merupakan kerjasama erat antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam memajukan institusi zakat di Malaysia. Sebagai sokongan kepada program tersebut, Zakat Selangor turut menyumbang RM6,000 bagi sub-program projek pembangunan tetap sempena KZK 2025.

SDG Utama



SDG Sekunder





DYMM Sultan Selangor Berkenan Terima Pembayaran Zakat RM64.97 Juta

Shah Alam, 2 September 2025 – DYMM Sultan Selangor telah berkenan menerima pembayaran zakat berjumlah RM64.97 juta daripada 13 syarikat korporat dan seorang individu dalam satu upacara rasmi di Istana Alam Shah. Lembaga Tabung Haji muncul sebagai penyumbang terbesar dengan pembayaran zakat berjumlah RM28.01 juta, diikuti oleh beberapa perbadanan besar termasuk Cypark Waste Sdn. Bhd., Tenaga Nasional Berhad (TNB), Proton dan Maybank Islamic Berhad. Turut menunaikan zakat dalam upacara tersebut ialah Datuk Kamarudin Meranun yang menyerahkan zakat pendapatan berjumlah RM5.06 juta. Upacara ini menunjukkan keyakinan berterusan para penyumbang korporat dan pembayar individu terhadap peranan Zakat Selangor dalam menguruskan dana zakat secara telus dan memberikan manfaat yang nyata.

SDG Utama



SDG Sekunder





22 Syarikat Korporat Tunai Zakat Perniagaan Berjumlah RM6.12 Juta

Shah Alam, 24 September 2025 – Sebanyak 22 syarikat korporat menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM6.12 juta kepada Zakat Selangor dalam satu majlis yang diadakan di Shah Alam. Penyerahan tersebut disaksikan oleh DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah. Antara penyumbang utama termasuk D'Herbs Holdings Sdn. Bhd., Aura One Resources (M) Sdn. Bhd., XpertsCo Sdn. Bhd., Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Advanced Air Traffic System (M) Sdn. Bhd., Bawal Sdn. Bhd. dan Public Islamic Bank Berhad. Selain itu, Worldwide Holdings Berhad turut menyumbangkan wakalah agihan zakat berjumlah RM200,000 bagi menyokong program kebajikan, pendidikan dan pembangunan belia. Majlis ini membuktikan keyakinan korporat yang berterusan terhadap Zakat Selangor serta menonjolkan peranan rakan strategik dalam memperkukuh mobilisasi zakat dan impak sosioekonomi.

SDG Utama



SDG Sekunder





176 Penolong Amil Diraikan

Shah Alam, 4 Oktober 2025 – Seramai 176 Ketua dan Penolong Amil dari seluruh Selangor diraikan dalam Majlis Anugerah Ketua dan Penolong Amil Negeri Selangor 2024. Para penerima terdiri daripada amil kariah, fitrah dan padi yang dilantik di semua daerah bagi menyokong urusan kutipan dan agihan zakat di peringkat komuniti. Pengiktirafan ini diberikan berdasarkan Penilaian Prestasi Tahunan 2024 yang merangkumi lima kategori utama, di mana para penerima dianugerahkan wang tunai, sijil dan plak sebagai penghargaan atas dedikasi serta amanah mereka dalam memperkukuh pengurusan zakat negeri. Majlis ini menjadi penanda aras terhadap komitmen yang berterusan daripada Zakat Selangor dalam menghargai penyumbang barisan hadapan yang memainkan peranan penting bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan zakat.

SDG Utama



SDG Sekunder





Kempen 'Anda Hero Asnaf' Perkasakan Kesedaran Zakat Dalam Kalangan Warga ATM

Shah Alam, 9 Oktober 2025 – Zakat Selangor memperkenalkan kempen 'Anda Hero Asnaf' sebagai inisiatif strategik bagi memperkukuh penglibatan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Selangor dalam ekosistem zakat. Inisiatif ini dilancarkan sempena Program Taklimat Khas Zakat yang menghimpunkan lebih 400 anggota. Dianjurkan dengan kerjasama Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan berzakat dalam kalangan anggota tentera. Berinspirasikan semangat "Wira Negara, Wira Asnaf", kempen ini mempromosikan caruman zakat secara konsisten melalui skim potongan gaji bulanan bermula serendah RM10 sebulan sebagai usaha menyokong kebajikan asnaf di Selangor. Kempen ini menunjukkan usaha berterusan Zakat Selangor untuk meluaskan penyertaan zakat serta memupuk budaya tanggungjawab bersama dan solidariti sosial yang lebih teguh.

SDG Utama



SDG Sekunder





Penerima Bantuan Sertai Program Perkhidmatan Dietetik Komuniti

Puchong Perdana, 8 November 2025 – Lebih 200 penerima Bantuan Perubatan dan Dialisis menyertai Program Perkhidmatan Dietetik Komuniti 2025 di Masjid As-Salam, Puchong Perdana. Program ini memfokuskan kepada pendidikan pemakanan sihat buat komuniti asnaf bagi membantu mencegah penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan obesiti. Dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Dietetik dan Sajian Negeri Selangor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta jawatankuasa masjid setempat, inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi lebih luas untuk memperkukuh bantuan kesihatan melalui pendekatan pencegahan dan pendidikan. Ia mencerminkan komitmen berterusan Zakat Selangor dalam memastikan asnaf bukan sahaja menerima sokongan kewangan, malah diperkasa untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup secara menyeluruh.

SDG Utama



SDG Sekunder





Karnival Zakat Selangor 2025

Shah Alam, 29 November 2025 – Zakat Selangor menganjurkan Karnival Zakat Selangor 2025 dari 27 hingga 29 November di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam, sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kesedaran zakat dan memperkukuh hubungan dengan masyarakat. Karnival ini menampilkan lebih 150 pempamer daripada agensi kerajaan, syarikat swasta dan usahawan tempatan, selain pelbagai aktiviti berorientasikan komuniti dan keluarga. Antara tarikan utama termasuk Karnival i-Kerjaya yang menawarkan lebih 1,500 peluang pekerjaan, sukan rakyat, Zakat Run, Jualan Rahmah, Festival Makanan, Forum Perdana serta penampilan khas maskot kanak-kanak Omar dan Hana. Penganjuran ini mencerminkan komitmen berterusan Zakat Selangor dalam meluaskan penglibatan awam dan mempromosikan zakat menerusi platform yang inklusif serta berpaksikan komuniti.

SDG Utama



SDG Sekunder





Majlis Iktiraf Muzakki & Penyerahan Zakat (IMTIYAZ) 2025

Shah Alam, 16 Disember 2025 – Sebanyak 56 syarikat menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM22.15 juta pada Majlis IMTIYAZ 2025. D'Herbs Holdings Sdn. Bhd. menjadi penyumbang tertinggi (RM2.0 juta), diikuti Open University Malaysia (RM1.51 juta), Afed Holdings (RM1.47 juta), Pengurusan Air Selangor (RM1.17 juta) dan Central Spectrum (RM1.09 juta). Selain itu, PTPTN, Koridor Utiliti Selangor, Lembaga Jurukur Tanah dan Wawa Global masing-masing menunaikan zakat perniagaan sebanyak RM1.0 juta. Pada majlis sama, bantuan zakat berjumlah RM346,238 turut disalurkan kepada asnaf bagi tujuan perumahan, perniagaan dan perubatan. IMTIYAZ 2025 membuktikan keyakinan korporat terhadap Zakat Selangor dalam memperkukuh kesejahteraan sosioekonomi melalui kerjasama strategik.

SDG Utama



SDG Sekunder





Zakat Selangor Agih RM36.5 Juta Bantuan Pendidikan Sokong Pelajar Asnaf

Shah Alam, 18 Disember 2025 – Zakat Selangor menyalurkan bantuan pendidikan RM36.5 juta kepada 85,336 pelajar asnaf fakir, miskin dan mualaf bagi sesi persekolahan 2026, melibatkan hampir 40,000 ketua isi rumah. Disalurkan melalui EFT, e-dompet, baucar dan tunai, bantuan ini merangkumi yuran (RM100–RM250) serta kelengkapan sekolah (RM150–RM200) dengan had RM1,200 sekeluarga. Penebusan barangan dilakukan melalui aplikasi Nine dan rakan niaga bermula 20 Disember 2025 hingga 19 Mac 2026, dengan penerima tertinggi di daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat. Inisiatif ini memperkukuh komitmen Zakat Selangor dalam memutus rantaian kemiskinan melalui pemerkasaan pendidikan asnaf secara mampan.

SDG Utama



SDG Sekunder



H Lampiran



Penyata Kewangan

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)
(No. Pendaftaran: PPAB - 06/2006)
(Diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah
(Pemerbadanan) 1952 (Pindaan 1981))

PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2025
(Dalam Ringgit Malaysia)

Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
(No. Pendaftaran: PPAB – 06/2006)
(Diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Pindaan 1981)

PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT **MUKA SURAT**

Penyata Ahli Lembaga Pemegang Amanah	1
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab Ke atas Pengurusan Kewangan	2
Penyata Kutipan dan Agihan Zakat	3 - 4
Nota-Nota Kepada Penyata Kutipan dan Agihan Zakat	5 - 16

Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
(No. Pendaftaran : PPAB – 06/2006)
(Diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Pindaan 1981)

PENYATA AHLI-AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Bahawa kami, **Y.A.M. TAN SRI DATO' SERI SYED ZAINOL ANWAR IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL** dan **Y.A.D. RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AL HAJ BIN RAJA TUN UDA AL HAJ,** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah, **LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS) ("LZS"),** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Ahli, Penyata Kutipan dan Agihan Zakat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 telah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan agihan dan kutipan zakat LZS bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut polisi dan prosedur pengutipan dan pengagihan zakat yang telah ditetapkan oleh LZS.

Bagi pihak Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah,

Y.A.M. TAN SRI DATO' SERI SYED ZAINOL ANWAR
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL
Pengerusi
Lembaga Pemegang Amanah

Y.A.D. RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AL HAJ
BIN RAJA TUN UDA AL HAJ
Ahli
Lembaga Pemegang Amanah

Shah Alam
10 MAR 2026

Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
(No. Pendaftaran : PPAB – 06/2006)
(Diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Pindaan 1981)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **RAPIZAH BINTI MUHAMMAD SHARIF**, pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)**, dengan tulus ikhlas mengakui bahawa Penyata Kutipan dan Agihan Zakat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 yang disertakan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah betul dan membuat pengisytiharan ini dengan kepercayaan sesungguhnya ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

RAPIZAH BINTI MUHAMMAD SHARIF

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas **RAPIZAH BINTI MUHAMMAD SHARIF** di Shah Alam pada 10 MAR 2026

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B 672
MUHAMMAD ZAIDI BIN ZAINAL ABIDIN
01.01.2025 - 31.12.2027
MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH
NO. 36, JLN. NELAYAN 19/B,
SEKSYEN 19,
40300 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
(No. Pendaftaran : PPAB – 06/2006)
(Diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Pindaan 1981)

PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
KUTIPAN ZAKAT			
Pendapatan		771,303,759	712,390,245
Perniagaan		222,255,561	199,145,971
Simpanan		140,578,700	129,900,959
Harta		61,248,207	70,153,765
Fitrah	6	43,774,699	40,956,352
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		33,012,876	32,659,372
Saham		21,939,200	22,276,938
Emas		13,953,444	9,280,580
Tanaman		1,158,996	1,165,704
Perak		149,493	125,166
Kripto		66,156	-
Ternakan		35,575	31,831
JUMLAH KUTIPAN ZAKAT	2	**1,309,476,666**	**1,218,086,883**
Tolak (-)			
AGIHAN ZAKAT :			
